



Hujung Minggu

# فليتا بروندی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.44

SUBUH 4.54 SYURUK 6.17 DUHA 6.41

ZUHUR 12.13 ASAR 3.35 MAGHRIB 6.08

ISYAK 7.22

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 147

9 DISEMBER 2023 / 1445 جمادی الأول 25

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

*'Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahsabu'llahu Wani'malwakeel, Walaha'ula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.*

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

## 30 buah ambulans baharu dilancarkan

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Disember. - Kementerian Kesihatan petang tadi melancarkan 30 buah ambulans bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan yang disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku tetamu kehormat majlis.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat oleh Pegawai Pelajaran, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Ahmad Syujaie bin Begawan Mudim Haji Matassim, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Ketua Perkhidmatan Kecemasan Perubatan Ambulans, Dayang Noor Hazmah binti Rosli.

Dayang Noor Hazmah antara lain menggariskan perbekalan ambulans baharu ini adalah sejajar dengan Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019-2023 iaitu Excellence in Healthcare Services di bawah inisiatif dan pelan tindakan yang keempat iaitu Strengthening Emergency Medical Ambulance Services (EMAS).

Antara penambahbaikan yang ada pada ambulans baharu ini pula tambahnya, adalah penggunaan teknologi GPS yang dapat menjelaki lokasi ambulans dan pasukan paramedik yang terdekat dengan kejadian kecemasan.

>> Muka 6

## PERGERAKAN PENGAKAP BRUNEI MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN BELIA, NEGARA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Ketua Pengakap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Penutup Rasmi Jambori Nasional Ke-5, berlangsung di Padang Dewan Kemasyarakatan Bukit Bendera, Daerah Tutong. - Foto : Masri Osman.

Oleh : Haniza Abdul Latif

TUTONG, Khamis, 7 Disember. - Pergerakan pengakap di Brunei Darussalam tidak dapat dinafikan telah banyak menyumbang kepada pembangunan belia dan negara.

Inilah yang kita harapkan, kewujudan

dan kelangsungannya sebagai agen pembentukan barisan generasi muda dan remaja dalam bersama-sama menyantuni serta mendukung aspirasi dan menjayakan Wawasan Negara.

>> Muka 3

## Gelaran 'Yang Amat Mulia Pengiran Anak' ditarik balik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Disember. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka

Tuan Pengiran Haji Abu Bakar memaklumkan bahawasanya gelaran 'Yang Amat Mulia Pengiran Anak' yang dikurniakan kepada Pengiran Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari, iaitu bekas suami kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, adalah dengan ini ditarik balik dengan serta-merta.

## Brunei Smart Mobility Expo 2023 fokuskan kemajuan teknologi terkini

Oleh : Nooratini Haji Abas

JERUDONG, Jumaat, 8 Disember. - Syarikat Pemasaran Brunei Shell (Brunei Shell Marketing - BSM) Sendirian Berhad dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) menganjurkan Brunei Smart Mobility Expo 2023 sempena Festival Disember Brunei (BDF) 2023.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat dan melancarkan Brunei Smart Mobility Expo

2023 di Dewan I BRIDEX ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dan diiringi oleh Pengarah Urusan BSM, Awang Muhammad Norshafiee bin Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

>> Muka 7

MANISNYA IMAN ایمان

(INGATLAH) ketika pemuda-pemuda itu berlindung di dalam gua lalu mereka berdoa : "Ya Tuhan kami! Kurniakanlah kami rahmat dari sisi-Mu dan sempurnakan bagi kami petunjuk yang lurus dalam urusan kami - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Kahfi, ayat 10.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**  
f Pelita Brunei @ pelitabrunei

## Berita Utama



TINGKAT kerjasama memerangi jenayah berteknologi tinggi, jenayah transnasional

Muka 10



PUPUK rasa tanggungjawab belia

Muka 13



229 Rekrut Lelaki, 54 Rekrut Wanita tamat latihan

Muka 20



RENCANA  
RTBGo mudahkan audiens mendapat maklumat semasa

Muka 28



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Penaung Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam dan Penaung Kehormat Pengakap Sedunia berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Jambori Pengakap 2023 pada Isnin, 4 Disember 2023 di Padang Dewan Kemasyarakatan Bukit Bendera, Daerah Tutong.**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'  
Wassalaamu 'Ala Asyarahil Mursaleen,  
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa  
Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

**B**ETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat menyertai perhimpunan di Jambori Nasional Ke-5 Brunei Darussalam pada pagi

ini.

Sebagai sebuah NGO tertua, pergerakan pengakap di negara ini telah ditubuhkan pada tahun 1933 dan telah mencapai 90 tahun penubuhannya. Ini menggambarkan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah banyak mengharungi pelbagai pengalaman dan perkembangan. Ia juga terus berusaha untuk kekal relevan dengan menyediakan program-program pembangunan untuk generasi muda di negara ini.

PPNBD tidak ketinggalan melibatkan diri bagi kerja-kerja kemasyarakatan dan

# PPNBD terus berusaha memacu kemajuan bangsa dan negara

kebijikan dan beta mengambil maklum bahawa PPNBD juga telah sama-sama berganding bahu dengan pihak kerajaan untuk membantu negara mendepani COVID-19 dengan memberikan khidmat kemasyarakatan yang sangat diperlukan. Untuk itu beta ucapan syabas kepada semua yang berkenaan.

Beta melihat, pergerakan pengakap perlu terus relevan, bukan setakat menumpukan bidang kemahiran asas sahaja, malahan juga perlu melengkapkan ahli-ahli pengakap dengan kemahiran Abad Ke-21 untuk mencapai impak pembangunan modal insan yang berdaya tahan.

Sesuai dengan misi menyumbang dan memacu kemajuan bangsa dan negara, maka pergerakan pengakap perlu turut mendepani pendidikan belia. Kerana belia adalah aset berharga yang penuh potensi untuk pembangunan. Mereka perlu dididik dan dilatih melalui satu kaedah yang sesuai dengan minat dan perkembangan mereka.

Tujuan pokok mereka dididik dan dilatih ialah, supaya mereka mempunyai jati diri yang kukuh dan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan semasa yang pelbagai.

Tema Jambori : 'Scouts on The Move' adalah mencerminkan para pengakap yang sentiasa aktif dan bersedia menghadapi

cabaran, dengan berbekalkan nilai undang-undang dan kemahiran-kemahiran Abad Ke-21 sebagai skills set yang perlu dipelajari dan dimiliki. Jika ada ini, maka pengakap kita adalah jentera perubahan dan perkembangan masa depan tanpa sempadan.

Kita penuh berharap, PPNBD tidak akan berhenti dari terus berusaha menyediakan program-program yang berguna untuk survivaliti negara, dengan mengambil kira keperluan-keperluan mencapai matlamat Wawasan Negara 2035.

Akhirnya beta berharap, para pengakap akan sentiasa berpegang teguh kepada prinsip dan nilai-nilai murni pengakap, untuk menjadi contoh yang baik kepada generasi muda.

Beta dengan besar hati tidak lupa mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada PPNBD yang telah mengundang beta pada pagi ini, serta juga tahniah yang hangat kepada seluruh anggota yang menjayakan Jambori ini.

Maka dengan kalimah, *Bismillahir Rahmani Rahim* dan Selawat serta salam ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, beta rasmikan Jambori Nasional Ke-5 Brunei Darussalam.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## SIDANG PENGARANG 9 DISEMBER 2023

### Jadilah contoh terbaik untuk generasi muda

**J**AMBORI Nasional Ke-5 yang diadakan dari 2 hingga 7 Disember 2023 telah berjaya menghimpunkan hampir 900 pengakap dari negara-negara ASEAN bagi sama-sama menjayakan Jambori Nasional Ke-5. Jambori tersebut adalah bersempena Sambutan 90 Tahun Pergerakan Pengakap di Negara Brunei Darussalam.

Antara tujuan Jambori tersebut dianjurkan adalah bagi meningkatkan dan menggalakkan interaksi dalam kalangan pengakap; memupuk dan menyemai persahabatan dan kerjasama dalam kalangan pengakap; mengenali serta menyemai sikap menghormati kepelbagaiannya; menanamkan sikap bertanggungjawab dalam persediaan mereka sebagai pemimpin masa depan; membuka ruang dan peluang bagi bertukar-tukar fikiran dan pendapat serta pengalaman dalam kalangan pengakap; meningkatkan nilai-nilai hidup bermasyarakat serta mencintai agama, bangsa dan negara sekali gus membangunkan kecerdasan jasmani dan kemantapan rohani peserta supaya menjadi tabah serta berfikiran luas dan terbuka.

Ini juga selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Penaung Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dan Penaung Kehormat Pengakap Sedunia semasa Majlis Jambori Pengakap 2023 di mana pergerakan pengakap perlu terus relevan, bukan setakat menumpukan bidang kemahiran asas sahaja, malahan juga perlu melengkapkan ahli-ahli pengakap dengan kemahiran Abad Ke-21 untuk mencapai impak pembangunan modal insan yang berdaya tahan.

Sesuai dengan misi menyumbang dan memacu kemajuan bangsa dan negara, tegas baginda pergerakan pengakap juga perlu turut mendepani pendidikan belia.

Titah baginda lagi, belia adalah aset berharga yang penuh potensi untuk pembangunan dan mereka perlu dididik dan dilatih melalui satu kaedah yang sesuai dengan minat dan perkembangan mereka.

Menurut titah baginda, tujuan pokok mereka dididik dan dilatih ialah supaya mereka mempunyai jati diri yang kukuh dan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan semasa yang pelbagai.

Sebagai sebuah NGO tertua, titah baginda lagi, pergerakan pengakap di negara ini telah ditubuhkan pada tahun 1933 dan telah mencapai 90 tahun penubuhannya dan ini menggambarkan PPNBD telah banyak mengharungi pelbagai pengalaman dan perkembangan malah ia juga terus berusaha untuk kekal relevan dengan menyediakan program-program pembangunan untuk generasi muda di negara ini.

Dengan ini, diharapkan agar para pengakap akan sentiasa berpegang teguh kepada prinsip dan nilai-nilai murni berpengakap, untuk menjadi contoh yang baik kepada generasi muda. - Ketua Penyuntingan (Ad)

WAKTU SEMBAHYANG										
DISEMBOK MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
9	SABTU	25	4.44	4.54	6.17	6.41	12.13	3.35	6.08	7.22
10	AHAD	26	4.44	4.54	6.17	6.41	12.14	3.36	6.08	7.23
11	ISNIN	27	4.44	4.54	6.18	6.42	12.14	3.36	6.08	7.23
12	SELASA	28	4.45	4.55	6.18	6.42	12.15	3.36	6.09	7.24
13	RABU	29	4.45	4.55	6.19	6.43	12.15	3.37	6.09	7.24
14	KHAMIS JAMADILAKHIR	1	4.46	4.56	6.19	6.44	12.16	3.37	6.10	7.25
15	JUMAAT	2	4.46	4.56	6.20	6.44	12.16	3.38	6.10	7.25

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
32 25 °C	32 25 °C	31 25 °C
Pekan Bangar		
32 25 °C	33 25 °C	32 25 °C
Pekan Tutong		
31 25 °C	33 25 °C	32 25 °C
Kuala Belait		
32 25 °C	32 25 °C	31 25 °C
Wallahualam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	www.met.gov.bn	

# JAMBORI : WADAH MENINGKATKAN, MEMUPUK KERJASAMA PENGAKAP



Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Masri Osman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie  
Pg. Haji Nikman

**TUTONG**, Khamis, 7 Disember. - Jambori Nasional Ke-5 dianjurkan bersempena Sambutan 90 Tahun Pergerakan Pengakap di Negara Brunei Darussalam, dengan tujuan bagi meningkatkan dan menggalakkan interaksi di

kalangan pengakap; memupuk dan menyemai persahabatan dan kerjasama dalam kalangan pengakap; dan mengenali serta menyemai sikap menghormati kepelbagaiannya.

Sehubungan itu, Majlis

Penutup Rasmi Jambori Nasional Ke-5 diserikan lagi dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri

selaku Ketua Pengakap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) pada majlis yang berlangsung di Padang Dewan Kemasyarakatan Bukit Bendera, Daerah Tutong, di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seria Setia Dr. Awang

Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Pemangku Menteri Pendidikan; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seria Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri; dan Yang Dipertua PPNBD (President), Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas serta Ahli-Jawatankuasa tertinggi.

>> Muka 4



YANG Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas dalam sembah alu-aluannya (atas kiri), manakala gambar atas tengah, laporan disembahkan oleh Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali, sementara gambar atas kanan, Ikrar Persetiaan Pengakap dipimpin oleh Ahli Pengakap Kelana, Pasukan Kelana Terbuka 1033, Awang Ahmad Termizie bin Ahmad Baihakie. Manakala gambar kanan, antara ahli pengakap yang menyertai Jambori.



## Pergerakan pengakap Brunei menyumbang kepada pembangunan belia, negara

>> Muka 1

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Ketua Pengakap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) bersabda demikian semasa Majlis Penutup Rasmi Jambori Nasional Ke-5, berlangsung di Padang Dewan Kemasyarakatan Bukit Bendera, Daerah Tutong, di sini.

"Ini bertepatan dengan antara kandungan titah paduka ayahanda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

di upacara Perasmian Jambori Nasional Kali Ke-5 ini pada hari Isnin 4 Disember yang lalu di mana paduka ayahanda menyentuh melalui tema Jambori 'Scouts on the Move' adalah mencerminkan para pengakap yang sentiasa aktif dan bersedia menghadapi cabaran dengan berbekalkan nilai undang-undang dan kemahiran-kemahiran Abad Ke-21 sebagai skills set yang perlu dipelajari dan miliki," sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Dalam sabda, Duli Yang Teramat Mulia menzhirkan perasaan gembira dengan pengisian Jambori yang telah berlangsung sejak 2 Disember, yang mana adalah merupakan wadah kepada semua Ahli Pengakap untuk saling

mempelajari serta menimba pengalaman yang sangat berharga.

Di samping itu, sabda DYTM lagi, ia juga memberikan peluang berinteraksi di kalangan Ahli Pengakap dari dalam dan luar dengan pertukaran pandangan dan pengetahuan serta pengalaman yang berguna untuk kemajuan diri dan pasukan masing-masing melalui berbagai kegiatan Jambori yang diaturkan.

Terdahulu itu, DYTM bersabda mengucapkan syabas kepada PPNBD yang telah berjaya mengungkayahkan Jambori Nasional dan setinggi tahniah di atas pencapaian Ulang Tahun Ke-90 kegiatan berpengakap di negara ini.

Di kesempatan ini, DYTM juga bersabda, ingin mengalukan penyertaan Pasukan Pengakap

dari negara jiran dan antarabangsa lainnya di Jambori Nasional Ke-5 ini yang membuktikan bahawa kegiatan berpengakap adalah menyumbang secara langsung kepada merapatkan dan memantapkan semangat kesetiakawanan serta perpaduan serantau dan sejagat.

Semenjak penubuhannya pada tahun 1933 sabda DYTM lagi, pergerakan pengakap di Brunei melangkah setapak demi setapak mengikuti arus dan perkembangan pergerakan pengakap seluruh dunia sama ada di peringkat serantau maupun antarabangsa.

Dalam mengakhiri sabda, DYTM merakamkan setinggi penghargaan kepada semua agensi kerajaan, swasta, NGO serta semua peringkat Jawatankuasa yang terlibat bagi

bersama-sama menjayakan Jambori tersebut.

DYTM seterusnya bersabda melahirkan penghargaan kepada semua anggota Pasukan-pasukan Pengakap yang menyertainya.

Kepada anggota pasukan pengakap dari negara jiran dan antarabangsa, DYTM bersabda dengan yakin bahawa mereka akan membawa balik pengetahuan dan pengalaman serta kenangan manis di sepanjang mengikuti Jambori ini dan akan terus mengukuhkan hubungan persahabatan yang dijalin melalui Jambori ini dan kemanfaatannya di masa hadapan.

Seterusnya, DYTM juga bersabda mengucapkan selamat kembali ke tanah air masing-masing dengan selamatnya.


**>> Muka 3**

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Sejurus keberangkatan, Lagu

Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Ahli Pengakap Kelana, Pasukan Kelana Terbuka Tutong 2020, Awang Muhammad Aqil Arfan bin

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan anugerah kepada para penerima dan seterusnya penyampaian cenderamata serta sijil-sijil penyertaan kepada kontinjen-kontinjen yang menyertai Jambori (atas kiri, atas kanan dan kiri).

Arjune.

Seterusnya, ikrar Persetiaan Pengakap pula dipimpin oleh Ahli Pengakap Kelana, Pasukan Kelana Terbuka 1033, Awang Ahmad Termizie bin Ahmad Baihakie.

Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas, dalam sembah alu-aluannya antara lain menyembahkan mengenai tema Jambori iaitu 'Scout On The Move' dengan pengertian yang mencerminkan para pengakap yang sentiasa aktif dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran dunia semasa, secara langsung dan tidak langsung telah dapat diperlakukan di dalam berbagai-bagai aktiviti-aktiviti dan program yang dilalui peserta di sepanjang Jambori ini.

"Peluang-peluang dan kesempatan untuk meningkatkan dan menggalakkan interaksi di kalangan pengakap-pengakap tempatan dan luar negeri setentunya tidak dilepaskan dan justeru itu akan memupuk dan menyemai persahabatan dan kerjasama dalam kalangan peserta-peserta Jambori. InsyaaAllah, semoga persahabatan ini akan diteruskan

setelah peserta-peserta pulang ke tempat dan negeri masing-masing.

"Inilah *mission* dan matlamat mengadakan Jambori untuk mengumpulkan ahli-ahli pengakap seperti mana juga diadakan Jambori Pengakap Sedunia pada setiap empat tahun sekali yang mana kita juga pernah menyertainya pada bulan Ogos yang lalu di Korea - World Scout Jambori. InsyaaAllah World Scout Jambori seterusnya akan diadakan di Poland pada tahun 2027. Semoga kita akan diberi kesempatan untuk menyertainya. Melalui Jambori juga boleh dijadikan sebagai satu wadah bagi ahli-ahli pengakap untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran," sembah Yang Dipertua PPNBD lagi.

Sementara itu, dalam laporan yang disembahkan oleh Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali yang juga selaku Kem Komandan Jambori Nasional Ke-5, memaklumkan mengenai laporan perkembangan kegiatan sepanjang berlangsungnya Jambori Nasional Ke-5.

Ketua Pesuruhjaya PPNBD antara lain menyembahkan, jumlah penyertaan Jambori kali ini iaitu hampir 900 orang peserta di mana seramai 384 peserta tempatan dan sejumlah 510 peserta dari negara-negara jiran seperti, Indonesia 288 orang, Malaysia 209 orang, Singapura 10 orang dan Thailand seramai lima orang.

Turut disembahkan ialah mengenai kegiatan-kegiatan dilaksanakan berdasarkan enam tema utama iaitu kemahiran

kepengakapan, (yang telah dijalankan di sekitar tempat Jambori), Sustainable Development Goals (SGDs), keagamaan dan rutin (tempat beribadah disediakan), kebudayaan dan permainan (yang diadakan dalam dan di tempat lawatan), lawatan-lawatan ke tempat-tempat yang menarik (tempat dan masyarakat kampung), dan kegiatan-kegiatan air seperti berkayuh, waterpolo, dan sebagainya.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya sabda Pengisytiharan Penutupan Rasmi Jambori Nasional Ke-5.

Setelah itu, DYT berkenan menyaksikan tayangan klip video daripada para peserta Jambori, dan seterusnya berkenan menyaksikan persembahan daripada johan Malam Kebudayaan.

Pada majlis tersebut, DYT juga berkenan mengurniakan Penganugerahan Anugerah Pengakap Sultan kepada tujuh orang Ahli Pengakap Remaja (Venture Scout), Anugerah Baden Powell (Baden Powell Award) kepada 20 orang Ahli Pengakap Kelana dan penyampaian cenderamata serta sijil-sijil penyertaan kepada kontinjen-kontinjen yang menyertai Jambori.

Pengakap Remaja merupakan bahagian ketiga dalam siri latihan berpengakap selepas Bahagian Pengakap Tunas dan Bahagian Pengakap Muda, yang mana bahagian ini terdiri daripada belia yang berumur dari 16 tahun hingga 18 tahun.

Anugerah Pengakap Sultan pula merupakan anugerah tertinggi bagi Bahagian Pengakap Remaja dan para penerima Lencana Pengakap Sultan adalah mereka yang layak dan diiktiraf oleh PPNBD setelah lulus menjalani beberapa ujian antaranya ialah Kursus Kepimpinan Pengakap Remaja, Kursus Pertolongan Kecemasan serta membuat perkhidmatan kemasyarakatan melebihi masa 48 jam.

Sebelum dianugerahkan, Ahli Pengakap Remaja perlu memenuhi keperluan untuk lulus Anugerah Pengakap Remaja sebelum dapat melanjutkan untuk mendapatkan Anugerah Pengakap Sultan.

**>> Muka 5**


ANTARA yang hadir pada Jambori Nasional Ke-5 yang berlangsung di Padang Dewan Kemasyarakatan Bukit Bendera, Daerah Tutong.



PERSEMBAHAN daripada johan Malam Kebudayaan (atas dan kiri).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan paduka adinda DYTM dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

#### >> Muka 4

Pengakap Kelana pula merupakan bahagian terakhir dalam program latihan belia, yang mana Ahli Pengakap Kelana merupakan belia berumur antara 18 hingga 26 tahun dan adalah kesinambungan daripada Pengakap Remaja

dan berpotensi untuk menjadi pemimpin.

Anugerah Baden Powell merupakan anugerah tertinggi bagi Bahagian Kelana, di mana para menerima hendaklah lulus lencana di dalam Skim Latihan Pengakap Kelana.

Salah satu lencana yang perlu Pengakap Kelana ambil adalah Lencana Kenegaraan, yang mana

fokus lencana tersebut adalah menjuruskan kepada falsafah Melayu Islam Beraja.

Selain itu juga penerima anugerah tersebut perlu lulus lencana-lencana yang menjurus kepada fizikal, kemahiran pengakap dan juga kemahiran hidup, keusahawanan dan

perkhidmatan.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM berkenan menerima pesambah, dan seterusnya dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

Jambori Nasional Ke-5 diadakan selama enam hari bermula 2 hingga 7 Disember

2023, dan telah berjaya menghimpunkan hampir 900 peserta jambori dari negara-negara ASEAN.

Kegiatan yang dikendalikan sepanjang jambori banyak memberikan faedah kepada para peserta melalui kegiatan yang dijalankan.

Selain memperkembangkan minda, ia juga memberi pengetahuan tentang kepimpinannya yang dapat membina keyakinan diri para peserta.

Penekanan terhadap Matlamat Pembangunan Mampan juga diterapkan dan ditekankan di sepanjang kegiatan jambori. Melalui Jambori tersebut, ia juga dapat menanamkan sikap bertanggungjawab dalam persediaan mereka sebagai pemimpin masa depan; membuka ruang dan peluang bagi bertukar-tukar fikiran dan pendapat serta pengalaman di kalangan pengakap; meningkatkan nilai-nilai hidup bermasyarakat serta mencintai agama, bangsa dan negara; dan membangunkan kecerdasan jasmani dan kemantapan rohani peserta supaya menjadi tabah serta berfikiran luas dan terbuka.



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah semasa keberangkatan tersebut (kiri dan kanan).



JAMBORI Nasional Ke-5 diadakan selama enam hari bermula 2 hingga 7 Disember 2023 dan telah berjaya menghimpunkan hampir 900 peserta jambori dari negara-negara ASEAN (atas dan kiri).

## MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN HORMAT



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan hormat daripada penceramah - penceramah jemputan dari Malaysia untuk Program Ceramah di Daerah Tutong, Belait dan Temburong sempena Majlis Ilmu 2023.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Rabu, 6 Disember. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman petang tadi menerima kunjungan hormat daripada penceramah - penceramah jemputan dari Malaysia untuk Program Ceramah di Daerah Tutong, Belait dan Temburong sempena Majlis Ilmu 2023.

Rombongan penceramah terdiri daripada Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia, Dato' Seri Dr. Haji Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri; Pegawai Khas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ugama), Malaysia, Haji Mohamad Zarifi bin Mohamad Daud; dan Profesor di Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Profesor Dr.

Sharifah Hayaati binti Syed Ismail.

Kunjungan hormat tersebut berlangsung di Bilik Dhiyah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Rombongan berada di Negara Brunei Darussalam selaku penceramah - penceramah jemputan bagi Program Ceramah di Daerah Tutong, Belait dan Temburong sempena Majlis Ilmu 2023 yang akan berlangsung secara serentak pada Khamis, 23 Jamadilawal 1445H bersamaan 7 Disember 2023M.

## 30 buah ambulans baharu dilancarkan



KEMENTERIAN Kesihatan melancarkan 30 buah ambulans bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan selaku tetamu kehormat majlis (atas kiri, atas kanan dan bawah).

### >> Muka 1

Ini dapat memberikan tindak balas yang pantas yang dapat mengurangi risiko kepada pengurusan mangsa atau pesakit dan membolehkan paramedik

memanjangkan hayat (*life support*) sebelum menerima rawatan yang komprehensif di hospital.

"Pelancaran 30 buah ambulans baru ini bukan sekadar *investment* dalam peralatan perkhidmatan kecemasan ambulan perubatan,

bahkan ia adalah *investment* untuk kesejahteraan masyarakat kitani juga.

"Ini adalah bukti kepercayaan perkhidmatan EMAS bahawa setiap orang berhak mendapat akses kepada rawatan perubatan

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

kecemasan yang tepat pada masanya dan berkesan," ujarnya.

Acara kemudian diteruskan dengan tayangan klip video dan

sejurus itu para jemputan yang hadir beredar ke kawasan letak kereta Dewan Al-Afiah bagi acara pelancaran.

Penambahan 30 buah ambulans baharu ini adalah untuk menampung keperluan perkhidmatan kecemasan di negara ini, seperti memberikan perkhidmatan perubatan kecemasan 991 (*patient acuity level*); mengambil kes kecemasan dari rumah pesakit dan dibawa ke hospital; menghantar pesakit dari hospital ke hospital-hospital swasta; membuat liputan perubatan (*medical coverage*) bagi acara-acara tertentu; dan perkhidmatan NEPTS (Non-Emergency Patient Transport Services) iaitu mengambil pesakit dari rumah ke fasiliti perubatan bagi menghadiri perjanjian doktor.

Turut hadir pada majlis ini ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Ang Swee Hui; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Dr. Dayang Hajah Anie Haryani binti Haji Abd. Rahman dan ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.





## TERUS BERDEDIKASI MEMUPUK MASYARAKAT SIHAT

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ihsan Pusat Perubatan Jerudong Park

**BERAKAS**, Khamis, 7 Disember. - Sebagai sebahagian daripada Sambutan Ulang Tahun Ke-25, Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dengan kerjasama Green Brunei dan Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kelmarin

**YANG** Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC hadir pada Kempen Penanaman Pokok di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas.

mengadakan Kempen Penanaman Pokok di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Juga menyertai kempen ialah Pengurusan Kanan, Ketua Jabatan, dan sukarelawan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan ketika berucap menyatakan keterujaan dalam meraikan 25 tahun dalam menyediakan kecemerlangan

penjagaan kesihatan dengan memberi kembali kepada masyarakat dan menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

"Inisiatif penanaman pokok ini sejajar dengan nilai kami, menunjukkan komitmen kami terhadap kesejahteraan penduduk dan bumi yang kita diamai," ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, usaha tersebut menggariskan dedikasi JPMC untuk memupuk masyarakat yang lebih sihat dan memelihara keindahan semula jadi Brunei. Ia juga mempunyai dua tujuan iaitu menyumbang kepada masyarakat, sejarah dengan objektif negara untuk menanam 500,000 pokok baharu menjelang 2035.

## Brunei Smart Mobility Expo 2023 fokuskan kemajuan teknologi terkini



PERASMIAAN Brunei Smart Mobility Expo 2023 disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan diiringi oleh Pengarah Urusan BSM, Awang Muhammad Norshafiee bin Dato Paduka Haji Abdul Jalil (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri melawat salah satu petak pameran pada ekspos tersebut.

### >> Muka 1

Acara ini menawarkan pengunjung-pengunjung dengan produk dan kemajuan teknologi terkini dalam bidang automotif di samping, memberikan pandangan yang mendalam mengenai pemegang mobiliti pintar.

Dalam masa yang sama, ianya juga memerlukan integrasi yang lancar daripada pengangkutan yang mampan, infrastruktur canggih, pendigitalan dan runcit yang selesa.

Pengarah Urusan BSM, Awang Muhammad Norshafiee dalam ucapan alu-aluannya berkata tujuan ekspos ini adalah, untuk mewujudkan pameran automotif tahunan yang menawarkan pengunjung pengalaman langsung dengan produk dan teknologi terkini dalam mobiliti landscap.

"Kami berharap pengalaman yang ditawarkan akan memberikan pengunjung cerapan mendalam tentang masa depan untuk mobiliti pintar. Ia adalah aspirasi kami untuk mencipta masa depan di mana keselamatan, kecukupan, dan kemudahan menjadi keutamaan dalam rutin harian pelanggan kami," ujar beliau.

Pada ekspos berkenaan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi juga melancarkan E-book Highway Code dan juga Kaji selidik Pengangkutan Bas Awam di Pameran MTIC dan MKKJR.

Turut hadir menyaksikan pelancaran tersebut ialah Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Setiausaha Tetap MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof, selaku Ahli MKKJR dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), MTIC,

Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar, selaku Setiausaha MKKJR.

E-book Highway Code (HWC) dalam bentuk elektronik yang dilancarkan adalah panduan kod jalan raya edisi terkini yang mengandungi lima bahagian iaitu Papan Tanda Lalulintas Jalan Raya; Tanda Lalulintas Jalan Raya; Isyarat Lalulintas Jalan Raya; Akta dan Peraturan Lalulintas Jalan Raya; dan Peraturan Memandu dan Tingkahlaku Pemandu.

Objektif mengadakan HWC edisi terkini tahun 2023 ini, selain daripada tujuan utamanya untuk mengemas kini perisianya, ianya dihasilkan untuk menjadi sebagai bahan rujukan dan pembelajaran dengan maklumat-maklumat yang relevan dan terkini, dan setentunya sebagai panduan pemandu atau pengguna-pengguna jalan raya, memahami akan aspek-aspek keselamatan dan seterusnya untuk mengamalkan pematuhan ke atas peraturan-peraturan jalan raya semasa memandu.

Edisi HWC ini mengandungi hal ehwal peraturan jalan raya yang berkaitan dengan penambahan maklumat-maklumat mengenai papan-papan tanda lalu lintas jalan raya (*road traffic signs*) dan tanda-tanda Jalan (*road markings*) yang sedia ada dan baharu. Dalam masa yang sama, edisi HWC terkini ini juga menekankan hal ehwal tingkah laku pemandu semasa memandu di jalan raya.

Bukan itu sahaja, Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) akan melaksanakannya penggunaan edisi terkini HWC ini secara berperingkat, iaitu bagi peringkat permulaannya dibarangkan dan disalurkan kepada Sekolah-Sekolah Memandu untuk diguna pakai dalam pembelajaran latihan dan ujian memandu, dan peringkat

seterusnya adalah bagi orang ramai mengakses edisi terkini HWC ini pada suku pertama tahun 2024.

Kaji Selidik Pengangkutan Bas Awam di samping itu juga, perkembangan, perancangan dan pendekatan awal mengenai Pengangkutan Bas Awam di Negara Brunei Darussalam juga turut dikongsikan semasa pameran tersebut.

Ianya adalah sebagai salah satu inisiatif MTIC dan JPD dalam mendapatkan pandangan dan input daripada pelbagai pihak-pihak berkepentingan ke arah menyusun strategi jangka panjang dalam mewujudkan sistem kesalinghubungan yang cekap, dan mudah diakses bagi memudahkan cara mobiliti setiap lapisan rakyat dan penduduk. Secara amnya kaji selidik tersebut adalah untuk memahami keperluan pengangkutan awam dan meningkatkan lagi kefahaman serta pandangan orang ramai mengenainya.

Selain daripada cadangan untuk meningkatkan hubungan dan kebolehpercayaan rangkaian laluan teras (*core network routes*) perkhidmatan bas awam, ianya juga dicadangkan dapat dilengkapi dengan perkhidmatan pengangkutan atas permintaan (*ondemand transport*) secara berkongsi tumpangan mahupun persendirian dengan memanfaatkan teknologi e-Hailing.

Kaji selidik ini juga akan dilengkapkan dengan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada pihak industri dan penyedia perkhidmatan melalui proses Permintaan Maklumat (Request for Information) yang juga sedang berjalan.

Dalam ekspos ini turut menyaksikan secara langsung (*livefeed*) Smart Mobility Operation

Cloud (SMOC) yang mana dapat menyediakan beberapa maklumat, antaranya adalah kedudukan dan pergerakan bas secara langsung; anggaran masa ketibaan bas di perhentian bas secara langsung; dan statistik penumpang bas dan laluang.

SMOC ini adalah salah satu projek rintis Sistem Maklumat Bas Penumpang yang dilancarkan pada 3 Disember 2022 sehingga kini, dengan kerjasama di antara MTIC, Ministry of Land, Infrastructure, Transport and Tourism (MLIT), Japan serta JPD melalui program Smart City yang disokong oleh Japan ASEAN Mutual Partnership (Smart JAMP) di bawah ASEAN Smart Cities Network (ASCN).

Selain itu, turut menyaksikan adalah usaha berterusan daripada pihak MKKJR dalam meningkatkan keselamatan pengguna-pengguna di jalan raya seperti meningkatkan kegiatan-kegiatan jalan raya yang memfokuskan kepada kaedah-kaedah penggunaan teknologi yang telah dilaksanakan oleh Kumpulan-Kumpulan Tindakan MKKJR iaitu Kumpulan Tindakan Technical and Infrastructure (KTTI); Kumpulan Tindakan Penyelidikan dan Perkembangan (KTPP); Kumpulan Tindakan Media dan Pemberitaan (KTMP); dan Kumpulan Tindakan Undang-Undang dan Penguatkuasaan (KTUP) sepanjang tahun 2023 ke arah mencapai Visi MKKJR iaitu 'Sifar Kemalangan Jalan Raya Maut'.

Manakala buku Edisi Kedua 'The Safe and Smart Driving in Brunei Darussalam' versi Bahasa Melayu yang diterbitkan oleh JPD juga dipaparkan di pameran tersebut sebagai salah satu inisiatif di bawah Kumpulan Tindakan Undang-Undang dan

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Penguatkuasaan (KTUP) yang dilaksanakan di bawah The Brunei Darussalam Road Safety Strategic Plan 2025.

Ianya bertujuan sebagai rujukan yang merangkumi sebahagian besar aspek pemanduan di Negara Brunei Darussalam dan adalah mudah diakses dan mesra pengguna untuk semua pengguna jalan raya.

MKKJR juga turut memaparkan pemenang - pemenang Pertandingan Lukisan Poster Keselamatan Jalan Raya bagi Sekolah-Sekolah Rendah Tahun 2023 Sempena Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2023 (WDR 2023).

Di kesempatan ini juga, perkhidmatan JPD iaitu perkhidmatan dalam talian Nomborku juga turut dipaparkan di astaka pameran MTIC dan MKKJR. Perkhidmatan ini adalah merupakan platform dalam talian bagi orang ramai yang ingin mendapatkan Tanda Pengenalan Kenderaan (TPK) melalui Tarawan Tertutup dan Tarawan Terbuka. Nomborku diperkenalkan kepada orang ramai pada 24 Februari 2021, dan telah pun memenangi Anugerah Perak Perkhidmatan Awam Kali Ke-30 pada tahun ini.

Dalam kesempatan ini, MKKJR Negara Brunei Darussalam menyeru kepada semua pengguna-pengguna jalan raya supaya akan sentiasa meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian penuh ketika berada di jalan raya, dan sentiasa mengamalkan sikap memandu yang berhemah.

Pemandu berhemah sentiasa mementingkan keselamatan, baik sebelum memandu ataupun semasa memandu. Semasa berada di jalan raya, seseorang pemandu hendaklah sentiasa mengamalkan sikap yang baik bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku. Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada awda dan saya.

Brunei Smart Mobility Expo 2023 diadakan selama tiga hari bermula pada 8 hingga 10 Disember 2023 dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam di Dewan 1, BRIDEX, Jerudong.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk datang berkunjung ke Brunei Smart Mobility Expo 2023.

## ...Program Ceramah sempena Majlis Ilmu 2023...

### Daerah Tutong

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu khas pada program berkenaan (atas), manakala gambar kiri, ceramah disampaikan oleh Penceramah Khas, Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Sains Islam Malaysia, Dato' Seri Dr. Haji Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri. Sementara gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.



**TUTONG**, Khamis, 7 Disember. – Untuk menyemarakkan lagi Sambutan Majlis Ilmu 2023 yang diadakan bersempena dengan acara Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun, Program Ceramah di Daerah-daerah telah diadakan serentak di Daerah Tutong, Temburong dan Belait.

Di Daerah Tutong majlis diadakan di Dewan Ma'had Islam

Brunei, di sini.

Taubat adalah proses kembali kepada Allah, mengakui dosa-dosa, melahirkan perasaan penyesalan yang tulus dan niat untuk tidak mengulangi kesalahan pada masa depan.

Perkara tersebut adalah antara inti pati ceramah bertajuk 'Kepentingan Ilmu Dalam Bermunajat dan Bertauba' yang disampaikan oleh Penceramah Khas, Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Sains Islam Malaysia, Dato' Seri Dr. Haji Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri.

Hadir selaku tetamu khas bagi program berkenaan adalah

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Hadir sama, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

### Daerah Temburong



Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Hamzah Mohidin

Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir, Timbalan Menteri (Tenaga), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau dan Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Ceramah bertajuk 'Taubat dan Munajat Hidup Menjadi Berkat' disampaikan oleh Profesor di Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Profesor Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail, selaku Penceramah Khas.

Antara inti pati utama ceramah yang disampaikan ialah mengingatkan mengenai perihal pentingnya Zikrullah iaitu mengingati Allah, termasuk melalui Doa, sebagai kewajipan insan yang bertakwa bagi meraih keberkatan dunia dan akhirat.

Program Ceramah sempena Majlis Ilmu itu juga diadakan secara serentak di Daerah Tutong dan juga Daerah Belait.

CERAMAH disampaikan oleh Profesor di Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Profesor Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail.

**TEMBURONG**, Khamis, 7 Disember. - Program Ceramah sempena Majlis Ilmu 2023 yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun, berlangsung pagi tadi di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu khas program tersebut ialah Menteri



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu khas pada Program Ceramah sempena Majlis Ilmu 2023 di Daerah Temburong (atas), manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada program berkenaan.



## ...Program Ceramah sempena Majlis Ilmu 2023...



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Program Ceramah Majlis Ilmu 2023 di Daerah Belait.**

**SERIAH**, Khamis, 7 Disember. - Program Ceramah Majlis Ilmu 2023 di Daerah Belait sempena



Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun 2023 telah diadakan di

**CERAMAH Khas disampaikan oleh Pegawai Khas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ugama) Malaysia, Haji Mohamad Zarifi bin Mohamad Daud (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

Dewan Serbaguna Pusat Insani, Seria.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Ceramah Khas bertajuk 'Munajat dan Taubat Membentuk Iman Taqwa' ini disampaikan oleh Pegawai Khas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ugama) Malaysia, Haji Mohamad Zarifi bin Mohamad Daud.

Antara inti pati ceramah menghuraikan tentang munajat dan taubat menjadi dua perkara penting bagi seseorang insan untuk membentuk iman takwa, berasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita dianugerahkan pemimpin atau ketua negara yang mempunyai jiwa besar yang memimpin negara untuk memperbanyak taubat dan bermunajat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

'Bagi siapa yang memperbanyak munajat dan taubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala adalah ciri-ciri orang berjaya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

"Kalau kita tidak punya ciri-ciri tersebut iaitu taubat dan tidak memunajat kepada Allah

### Daerah Belait

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad

Subhanahu Wata'ala akan menyebabkan kita makin hari makin lama tidak terkenang akan dosa dan maksiat yang kita lakukan kepada Allah Subhanahu Wata'ala," jelasnya.

Ceramah tersebut diakhiri dengan sesi soal jawab.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan

Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Pemangku Pegawai Daerah Belait, pegawai-pejawat kanan dan ketua-ketua jabatan, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pihak-pihak swasta, persatuan-persatuan serta Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.



## Tingkatkan keupayaan keselamatan, kesejahteraan LTAB

Oleh: Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 7 Disember. - Dengan penyambungan semula perjalanan udara yang beroperasi seperti biasa, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) telah menyaksikan tanda-tanda positif pemulihian dalam sambungan udara, di mana bilangan syarikat penerbangan yang beroperasi serta destinasi masuk dan keluar adalah meningkat.

Jumlah penumpang melalui lapangan terbang itu juga menyaksikan peningkatan, di mana statistik trafik udara bagi Q3 2023, telah mencatatkan seramai 980,924 penumpang melalui lapangan terbang tersebut berbanding hanya 272,381 penumpang bagi tempoh yang sama pada tahun 2022. Ini juga boleh dikaitkan dengan keyakinan penumpang selepas wabak terhadap operasi syarikat penerbangan dan lapangan terbang melalui amalan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menyatakan perkara tersebut dalam perutusannya sempena Hari Penerbangan Awam Antarabangsa (International Civil Aviation Day) 2023.

Hari Penerbangan Awam Antarabangsa disambut secara global pada setiap 7 Disember dengan bertemakan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023 iaitu 'Memajukan Inovasi Untuk

Pembangunan Global' (Advancing Innovation for Global Aviation Development).

Ia merupakan acara tahunan yang menekankan peranan penting penerbangan awam dalam menghubungkan manusia, budaya dan ekonomi. Ia juga menonjolkan peranan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (International Civil Aviation Organisation - ICAO) dan pihak berkuasa penerbangan lain dalam memastikan amalan penerbangan yang selamat, terjamin dan mampan.

Yang Berhormat seterusnya berkata, Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Jabatan Penerbangan Awam (Department of Civil Aviation - DCA), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi sebagai Ahli ICAO akan terus komited dalam memastikan industri penerbangan mematuhi sepenuhnya keperluan keselamatan dan kesejahteraan yang ditetapkan di bawah Keperluan Penerbangan Brunei (Brunei Aviation Requirements - BARs) dan Program Keselamatan Penerbangan Awam Kebangsaan (National Civil Aviation Security Programme-NCASP) yang mematuhi ICAO Standard and Recommended Practices (SARPs).

Pematuhan sentiasa dipantau oleh pihak berkuasa dengan tujuan memastikan operasi pengangkutan udara selamat dan terjamin. Ini menurut Yang Berhormat juga sejajar dengan objektif strategik MTIC 2025 yang meliputi pematuhan piawaian keselamatan

dalam Sektor Pengangkutan dan Infokomunikasi.

"Selaras dengan tema Hari Penerbangan Awam Antarabangsa, inovasi memainkan peranan penting dalam pembangunan industri penerbangan dan dalam memastikan standard keselamatan dipenuhi.

"DCA komited ke arah pematuhan dengan keperluan Pelan Navigasi Udara Serantau dan Global (GANP) ICAO dan mencapai navigasi udara yang lancar menjelang 2030. Ini termasuk pelaksanaan metodologi Navigasi Berasaskan Prestasi yang memanfaatkan keupayaan pesawat moden dan teknologi navigasi untuk meningkatkan keselamatan, kecekapan dan kapasiti dalam sistem ruang udara," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan dalam menyokong inisiatif penambahbaikan DCA, ICAO melalui Misi Sokongan Pelaksanaan mereka telah menyokong penambahbaikan LTAB dan Perkhidmatan Navigasi Udara.

Beberapa aktiviti dan bengkel bagi meningkatkan kesediaan semua pihak berkepentingan yang berkaitan dalam menangani operasi penerbangan dan perkhidmatan pembinaan terminal dan kecemasan juga telah dilaksanakan.

Menurut Yang Berhormat lagi, inisiatif lain yang dijalankan dengan bantuan teknikal ICAO termasuk kajian semula rangka kerja

pengawalseliaan aerodrome dan operasi aerodrome untuk memastikan pematuhan terhadap SARPs dan memperoleh pensijilan ICAO untuk LTAB.

Pelbagai projek Rancangan Pembangunan Negara juga sedang diusahakan. Projek-projek ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan keselamatan dan kesejahteraan di LTAB.

Ini merangkumi peningkatan infrastruktur aerodrome yang sedia ada, kemudahan aerodrome dan sistem bantuan navigasi. Ini akan meningkatkan lagi keselamatan operasi di lapangan terbang dan secara tidak langsung menggalakkan pembangunan mampan dan berdaya tahan bagi Sektor Pengangkutan Udara.

"NBD juga sedang membangunkan State Action Plan yang pertama mengenai pengurangan pelepasan penerbangan selaras dengan inisiatif State Action Plan ICAO untuk menggalakkan Negara Anggota ICAO bertindak dan memajukan inisiatifnya mengenai perlindungan alam sekitar.

"Pelan Tindakan Pertama NBD akan membolehkan DCA melakar cadangan inisiatif mereka untuk mengurangkan pelepasan Co2 daripada penerbangan antarabangsa dan mewujudkan strategi perubahan iklim untuk Sektor Penerbangan antarabangsa," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, penyerahan Pelan Tindakan Pertama NBD kepada



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam perutusan sempena Hari Penerbangan Awam Antarabangsa 2023.**

IAAO akan mengesahkan komitmen ke arah melaksanakan usaha tindakan iklim dan menyumbang ke arah matlamat aspirasi global jangka panjang (LTAG) ICAO untuk penerbangan antarabangsa pelepasan karbon sifar bersih menjelang tahun 2050.

Pada akhir perutusan sempena memperingati Hari Penerbangan Awam Antarabangsa, Yang Berhormat merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada DCA, semua profesional penerbangan, syarikat penerbangan, pihak berkepentingan penerbangan, industry players dan semua yang terlibat atas komitmen teguh dalam menegakkan standard profesionalisme tertinggi dan dedikasi ke arah mengekalkan industri pengangkutan udara yang selamat, cekap dan berkembang yang mampan yang menyokong matlamat Wawasan Brunei 2035 dan mengucapkan selamat menyambut Hari Penerbangan Awam Antarabangsa.

# TINGKAT KERJASAMA MEMERANGI JENAYAH BERTEKNOLOGI TINGGI, JENAYAH TRANSNASIONAL



YANG Berhormat Peguam Negara dan Pendakwa Raya semasa menghadiri Persidangan Agung Pendakwa Raya ASEAN - China Ke-13 yang diadakan dari 4 hingga 8 Disember 2023 di Hanoi, Republik Sosialis Viet Nam (kiri dan kanan).



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Peguam Negara

HANOI, Khamis, 7 Disember. - Paduka Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama

Peguam Negara dan Pendakwa Raya, Yang Berhormat Dato Seri

Haji Awang Isa menghadiri Persidangan Agung Pendakwa Raya ASEAN - China Ke-13 yang diadakan dari 4 hingga 8 Disember 2023 di Hanoi, Republik Sosialis Viet Nam.

Persidangan itu adalah perhimpunan tahunan ketua-ketua agensi pendakwaan dari Negara Anggota ASEAN dan Prokuratorat Rakyat Tertinggi Republik Rakyat China dan pada tahun ini Persidangan memfokuskan kepada tema 'Meningkatkan Kerjasama Antarabangsa dalam Memerangi Jenayah Teknologi Tinggi dan Jenayah Transnasional'.

Persidangan itu dipengerusikan oleh Ketua Pendakwa Raya bagi The Supreme People's Procuracy Of The Socialist Republic of Viet Nam, Tuan Yang Terutama Le Minh Tri dan ketua-ketua delegasi, berkongsi pencapaian, amalan terbaik dan cabaran masing-masing dalam memerangi jenayah

ber teknologi tinggi dan jenayah transnasional.

Yang Berhormat Peguam Negara dalam kenyataannya menyokong usaha membanteras jenayah ber teknologi tinggi.

Bahkan, Yang Berhormat mengiktiraf kepentingan kerjasama berterusan dalam kalangan negara, agensi awam dan swasta untuk berjaya dalam memerangi jenayah ber teknologi tinggi dan untuk menegakkan ketauladan undang-undang.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam terus meningkatkan langkah keselamatan sibinya dengan menubuhkan unit jenayah siber khusus, perundangan dan peraturan serta proses Bantuan Undang-undang Bersama untuk menangani jenayah rentas sempadan.

Pada akhir Persidangan, Deklarasi Bersama telah ditandatangani oleh ketua-ketua

delegasi dari Republik Rakyat China dan Negara Anggota ASEAN untuk mengesahkan komitmen mereka dalam meningkatkan kerjasama untuk memerangi jenayah transnasional termasuk jenayah ber teknologi tinggi berdasarkan prinsip kesaksamaan, saling percaya dan untuk manfaat bersama, selaras dengan undang-undang negara dan antarabangsa.

Persidangan Agung Pendakwa Raya ASEAN-China telah dirasmikan pada 2004 untuk mengukuhkan lagi kerjasama dalam kalangan pihak berkuasa Pendakwaan Negara Anggota ASEAN dan Republik Rakyat China untuk memerangi jenayah rentas negara dengan segera dan berkesan, terutamanya jenayah ber teknologi tinggi, untuk memastikan keamanan, kestabilan, keselamatan dan pembangunan mampan Negara Anggota ASEAN dan Republik Rakyat China.

## Lokasi pemeriksaan kesihatan bakal jemaah haji

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 6 Disember. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji memaklumkan bahawa pemeriksaan kesihatan iaitu perjumpaan doktor bagi bakal-bakal jemaah haji yang terpilih untuk menuaikan Fardu Haji bagi Musim Haji Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi dilaksanakan bermula pada Rabu, 22 Jamadilawal 1445H bersamaan 6 Disember 2023M mengikut jadual

berikut.

Bagi Daerah Belait, tempat pemeriksaan kesihatan akan diadakan di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait iaitu pada 6, 7 dan 9 Disember 2023 dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan disambung semula jam 1.30 hingga 4.00 petang.

Manakala di Daerah Tutong, bertempat di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pekan Tutong

iaitu pada 11 dan 12 Disember 2023 bermula dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan disambung semula jam 1.30 hingga 4.00 petang.

Di Daerah Temburong pula, pemeriksaan diadakan di Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Pekan Bangar pada 14 Disember 2023 bermula bermula dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan disambung semula jam 1.30 hingga 4.00 petang.

Siaran Akhbar : Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Sementara itu, di Daerah Brunei dan Muara, pemeriksaan diadakan di Klinik Pemeriksaan Kesihatan Jemaah Haji, Tingkat 5, Block 2G:01, Kondominium Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan pada 18 Disember 2023 sehingga 6 Januari 2024 bermula dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan disambung semula jam 1.30 hingga

4.00 petang.

Bakal jemaah haji hendaklah membawa bersama Kad Pintar, Kad Bru-HIMS, Buku Rekod Kesihatan dan Panduan Kesihatan Haji bagi Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (jika ada), buku suntikan berwarna kuning (jika ada) dan kad perjanjian masing-masing.

# PENTING

**IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP**

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

TINDAK DIPERLUKAN

**SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR**

**DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR**

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

BARU



**YANG** Mulia Timbalan Menteri (Tenaga), Jabatan Perdana Menteri semasa berucap pada majlis berkenaan.

**BERAKAS**, Rabu, 6 Disember. - Kemahiran dan kecekapan tenaga kerja bergantung kepada kualiti sistem negara.

Pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) adalah salah satu elemen penting di dalam menghasilkan tenaga kerja

berkemahiran tinggi bagi meningkatkan produktiviti ekonomi negara.

Timbalan Menteri (Tenaga), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, menekankan sedemikian semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknik Brunei (IBTE) Ke-31, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Tahun ini, IBTE menurut Yang Mulia, telah memperoleh sebanyak 98 peratus kadar kepuasan majikan terhadap prestasi kerja graduan IBTE.

Bahkan, kerjasama yang erat di antara pihak berkepentingan termasuk sektor awam dan sektor swasta ujarnya adalah salah satu

kunci kejayaan program-program IBTE.

Yang Mulia juga menjelaskan, IBTE telah bergiat aktif di dalam membuat kolaborasi bersama kedua-dua sektor ini bagi memastikan program-program yang dijalankan oleh IBTE adalah relevan serta memenuhi keperluan semasa dan keperluan akan datang.

"Ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035, saya menaruh harapan supaya IBTE akan terus membina sistem pendidikan TVET yang berkualiti, kompetitif, dan relevan kerana ianya bukan sahaja pelaburan jangka panjang, bahkan juga, manfaat berterusan kepada masyarakat dan negara secara keseluruhannya," tegasnya lagi.

Yang Mulia Timbalan Menteri

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Tenaga menyatakan, ada beberapa inisiatif bagi mencapai sasaran yang diharapkan seperti memastikan penyediaan pengajaran dan pembelajaran TVET yang inovatif, relevan, dan berkualiti dan dapat memperkuatkan kerjasama dengan industri dan masyarakat bagi memenuhi keperluan pasaran kerja.

Bukan itu sahaja, ia jelasnya, juga dapat meningkatkan penekanan pada pengalaman praktikal dan penempatan kerja di industri atau *industrial placement* dan mendorong pembelajaran sepanjang hayat dan perkembangan profesional.

Justeru itu, Yang Mulia Timbalan Menteri (Tenaga), JPM menyatakan para graduan, dalam menghadapi persaingan global yang semakin sengit, banyak ilmu dan kemahiran baru perlu dikuasai sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

"Di kesempatan ini, saya berharap agar para graduan akan sentiasa berusaha menjadi yang terbaik, menerapkan etika kerja yang kuat serta berpegang teguh kepada prinsip-prinsip dan nilai-nilai luhur. Berbanggalah menjadi anak Brunei dan jagalah reputasi, kerana reputasi yang baik akan membuka pintu kepada peluang pekerjaan yang lebih baik," tambahnya.

## 2,700 graduan IBTE terima sijil, diraikan



**YANG** Mulia Timbalan Menteri (Tenaga), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat majlis menyempurnakan penyampaian sijil kepada para graduan pada sebelah pagi (atas), manakala gambar atas kanan, Setiausaha Tetap, (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada para graduan bagi sesi petang.

**BERAKAS**, Rabu, 6 Disember. - Seramai 1,902 graduan hari ini berjaya menerima sijil dalam pelbagai program latihan pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknik Brunei (Institute of Brunei Technical Education-IBTE) Ke-31.

Daripada jumlah tersebut, 62 orang graduan terdiri daripada pelatih Akademi TVET; 70 graduan dari peringkat Diploma; 972 graduan lagi dari peringkat Sijil Tertinggi Kebangsaan Pendidikan Teknik (HTec); 380 orang graduan dari peringkat Sijil Kebangsaan Pendidikan Teknik (NTec) dan 418 orang graduan dari peringkat Sijil Kemahiran Kelayakan Perindustrian (ISQ).

Majlis diadakan dalam dua sesi,



ANTARA ahli keluarga graduan yang hadir (atas), manakala gambar kanan, graduan yang diraikan.

Sakhwai bin Saiful.

Majlis diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli yang menekankan bahawa pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam pembangunan negara iaitu sebagai salah satu cabang pendidikan yang menghasilkan tenaga kerja mahir, bagi memenuhi dan menepati keperluan majikan, ke arah menyokong pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.

Menurut beliau, konvokesyen pada tahun ini akan menyaksikan beberapa anugerah kepada para graduan yang mencapai kecemerlangan dalam pengajian akademik iaitu 'Anugerah Pelajar Terbaik' di semua peringkat persijilan.

Beberapa anugerah juga tambahnya, akan diberikan kepada para graduan yang mencapai kecemerlangan melalui penglibatan dalam aktiviti yang memupuk kemahiran Abad Ke-21 (21st Century Skills).

Malah, buat pertama kalinya 'Anugerah Cemerlang IBTE STARs' juga katanya, akan diberikan kepada graduan yang telah menunjukkan prestasi cemerlang melalui IBTE STARs.

Majlis kemudian diteruskan dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis.

Selepas itu, diikuti dengan penyampaian sijil-sijil kepada para graduan dari Akademi TVET, peringkat Diploma dan peringkat HTec.

Sejurus selepas itu, tetamu kehormat majlis turut menyampaikan Anugerah Best Teacher Trainee, Anugerah Academic Excellence, Anugerah STARS Excellence dan Anugerah Chinese Ambassador.

Anugerah Chinese Ambassador merupakan anugerah yang diberikan khusus bagi pelajar yang mengikuti program kerjasama antara Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam dengan Kementerian Pendidikan, dan meliputi para pelajar yang terdiri daripada lima buah institusi pendidikan tinggi termasuk IBTE.

Tujuan diperkenalkan adalah untuk mendorong dan menggalakkan lebih ramai lagi pelajar tempatan untuk terlibat sama khususnya dalam kerjasama dua hala, di bawah rangka kerja



'Belt and Road Initiative'.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyuntik semangat inspirasi belia berbakat yang mempunyai prestasi cemerlang, sentiasa berjaya aktif dalam menyumbang pembangunan negara serta menggalakkan kerjasama praktikal kedua-dua buah negara.

Majlis Konvokesyen IBTE Kali Ke-31 diteruskan lagi pada sebelah petang dengan penyampaian sijil-sijil kepada para graduan seramai 798 orang dari peringkat NTec dan ISQ, dan kemudian diikuti dengan penyampaian Anugerah Academic Excellence kepada empat orang penerima.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada para graduan bagi sesi petang ialah Setiausaha Tetap, (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Turut hadir pada majlis



UCAPAN alu-aluan daripada Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli.

Konvokesyen berkenaan ialah Ahli-ahli Lembaga Pengelola IBTE serta para ibu bapa dan ahli keluarga para graduan yang diraikan.



# AKTIVITI KESUKARELAWANAN ANJURAN KEDUTAAN THAILAND DI CDC

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



KEDUTAAN Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama BNH Hospital, Thailand semasa menganjurkan aktiviti kesukarelawanan di Pusat Perkembangan Kanak-kanak (CDC), Kementerian Kesihatan, Kampung Kiarong (kiri dan atas).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 6 Disember. - Kedutaan Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama BNH Hospital, Thailand, hari ini menganjurkan aktiviti kesukarelawanan di Pusat Perkembangan Kanak-kanak (CDC), Kementerian Kesihatan, Kampung Kiarong, di sini.

Semasa aktiviti tersebut, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai bersama pegawai dan kakitangan dari Team Thailand; delegasi dari BNH Hospital, berserta wakil dari komuniti Thailand di Brunei Darussalam menyerahkan sumbangan berbentuk barang permainan, alat tulis dan buku

kepada kanak-kanak di CDC.

Aktiviti dimulakan dengan taklimat mengenai CDC yang disampaikan oleh Ketua CDC merangkap Konsultan Pediatric, Dr. Hajah Mawarni binti Haji Abd. Hamid.

Pusat perkembangan berkenaan dibina untuk memberikan perkhidmatan yang komprehensif, bermula daripada pencegahan, pengesanan awal, intervensi awal dan perawatan holistik yang merangkumi semua aspek kehidupan kanak-kanak yang berkeperluan khas termasuk pendidikan dan kesejahteraan sosial.

Pusat tersebut menempatkan lima buah banglo yang mempunyai peranan masing-masing termasuk klinik pediatrik komuniti;

perkhidmatan pergigian, ahli psikologi dan pegawai kebajikan perubatan; perkhidmatan Audiologi (ujian pendengaran), terapi pertuturan dan kelas untuk kanak-kanak kurang pendengaran; Program Perkembangan Awal, iaitu program intervensi awal bagi kanak-kanak berkeperluan khas di bawah 5 tahun; juga perkhidmatan pemulihan anggota (*physiotherapy*) dan pemulihan cara kerja (*occupational therapy*).

PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam semasa mendengarkan penerangan pada aktiviti tersebut.



## Malam Antarabangsa tampilkan persembahan kontinen dalam, luar negara



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Malam Antarabangsa tersebut. Turut hadir ialah Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (kanan), manakala gambar kiri, antara persembahan pada majlis berkenaan.

Oleh : Dk. Vivy Maessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Rabu, 6 Disember. - Kegiatan malam Jambori Nasional Ke-5 dimeriahkan lagi dengan acara Malam Antarabangsa yang diadakan di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, di sini.

Kegiatan Malam Antarabangsa tersebut merupakan acara bagi

memperlihatkan persembahan daripada kontinen-kontinen daripada dalam dan luar negara.

Persembahan malam tadi merupakan pertandingan yang mana pemenang akan membuat persembahan semasa majlis penutupan rasmi Jambori.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Turut sama hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan; Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas; dan

juga Ketua Pesuruhjaya Pengakap selaku Kem Komandan.

Pada acara itu juga dimeriahkan dengan persembahan tarian daripada Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Persembahan juga diserikan dengan persembahan nyanyian daripada artis tempatan, Luan Loko.

Pada akhir acara, tetamu kehormat majlis menyampaikan hadiah persembahan terbaik kepada kontinen yang memenangi persembahan terbaik.

Turut disampaikan adalah hadiah pintu gerbang terbaik kepada sub-sub kem dan juga kepada kontinen luar negara.

# PUPUK RASA TANGGUNGJAWAB BELIA



**SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan semasa berucap.**

**MENTIRI**, Jumaat, 8 Disember. - Perkhemahan Belia Berwawasan dan Berani merupakan inisiatif Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) untuk mengembangkan lagi pengaruh dan peranan belia dalam masyarakat melalui pendedahan kepada pengukuh jati diri dan mengimarahkan masjid.



Perkhemahan selama tiga hari yang dikelolakan oleh Jawatankuasa Takmir dan Belia Masjid Hassanal Bolkiah Kampung Mentiri itu disertai oleh seramai 65 belia masjid dan penuntut sekolah menengah dari Daerah Brunei dan Muara.

Hadir merasmikan perkhemahan berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak juga selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Terdahulu, Dr. Dayang Nor Imtihan dalam ucapannya berkata adalah menjadi harapan YSHHB untuk melihat belia-belia Negara Brunei Darussalam mempunyai jati diri yang kukuh dan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan semasa yang pelbagai sebagaimana tema program perkhemahan iaitu 'Belia Berwawasan dan Berani'.

"Sepertimana juga petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang



**SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan bergambar ramai pada Perkhemahan Belia Berwawasan dan Berani (atas), manakala gambar bawah kiri, antara yang menyertai perkhemahan.**

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Jambori Pengakap 2023 antara lain bertitah, belia adalah aset berharga yang penuh potensi untuk pembangunan. Mereka perlu dididik dan dilatih melalui satu kaedah yang sesuai dengan minat dan perkembangan mereka," ujarnya.

Program-program perkhemahan seperti ini tambahnya, adalah sebagai salah satu langkah menyahut seruan baginda untuk sama-sama mempertingkatkan penglibatan dan penyertaan belia dalam pembangunan masyarakat selaras dengan dasar dan tujuan penubuhan YSHHB.

Beliau seterusnya menjelaskan, bahawa perlu kita sedari untuk mewujudkan belia yang mampu memerlukan penglibatan semua pihak dan lapisan masyarakat dengan pendekatan secara

**Oleh : Aimi Sani  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

holistik.

Dr. Dayang Nor Imtihan dalam pada itu turut menyeru agar peserta perkhemahan untuk sentiasa bersemangat dan berusaha semampu mungkin untuk mengambil pengajaran dan ikhtiar daripada apa jua aktiviti dan pengisian sepanjang perkhemahan di adakan dari mula diadakan sehingga ke akhirnya.

Antara objektif perkhemahan ini diadakan ialah bagi memupuk rasa tanggungjawab para belia agar tidak terlalu bergantung kepada ibu bapa semata-mata malah menjadikan mereka sebagai contoh pendidik yang nilai-nilai

kepimpinan masyarakat.

Selain itu ia juga bertujuan untuk menyedarkan agar belia bersikap berani dalam apa jua keputusan yang telah ditetapkan dan menyahut cabaran untuk menghadapi apa jua rintangan untuk menjayakan keputusan di samping, mencungkil bakat yang terpendam agar sentiasa memanfaatkan tenaga masa belia yang penuh dengan semangat dan peluang.

Sepanjang menjalani perkhemahan, para peserta akan mengikuti kuliah-kuliah ugama, ceramah motivasi selain menyertai aktiviti yang menjurus kepada 'Belia Berwawasan dan Berani'.

## Pemberi pinjaman wang tidak berlesen boleh diambil tindakan

**Siaran Akbar : Brunei Darussalam Central Bank**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 7 Disember. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan bahawa mana-mana pihak atau individu yang menjalankan perniagaan pemberi pinjaman wang hendaklah mempunyai lesen di bawah Akta Pemberi Pinjaman Wang, Penggal 62.

Menurut Seksyen 8(1) Akta Pemberi Pinjaman Wang, menjalankan perniagaan meminjamkan wang tanpa lesen adalah satu kesalahan dan jika sabit kesalahan akan dikenakan denda sebanyak BND500 dan dipenjarakan selama tempoh 18 bulan.

Dalam pada itu, BDCB tidak akan teragak-agak mengambil tindakan ke atas pemberi pinjaman wang yang tidak berlesen.


BDCB juga ingin menasihatkan orang ramai yang ingin membuat pinjaman atau pembiayaan kewangan untuk hanya berurusan dengan bank-bank dan syarikat kewangan yang berlesen dan berwaspada untuk tidak berurusan dengan pemberi pinjaman wang yang tidak berlesen yang juga dikenali sebagai 'Ah Long' atau Loan Shark.

Sehubungan itu, BDCB menasihatkan orang ramai yang mempunyai maklumat atau mengesyaki entiti/individu yang menawarkan perkhidmatan pinjaman wang tanpa lesen agar menghubungi Isu Pengguna Kewangan, BDCB di +673 8380007 atau e-mel [fci@bdcb.gov.bn](mailto:fci@bdcb.gov.bn).

Orang ramai juga dinasihatkan untuk membuat laporan dengan segera kepada Pasukan Polis Diraja Brunei di balai polis berhampiran, atau melalui 993 jika awda telah menjadi mangsa aktiviti kewangan yang tidak berlesen tersebut.

BDCB, dengan kerjasama pihak berkuasa yang berkaitan, sentiasa memantau aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam.

Untuk mendapatkan senarai institusi-institusi kewangan dan individu yang dilesenkan oleh BDCB serta BDCB Alert List, sila layari laman sesawang BDCB di [www.bdcb.gov.bn](http://www.bdcb.gov.bn).



## NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

### Fikir sebelum beli

"buleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

### Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.



**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, kita dapat berkumpul lagi di hari Jumaat yang mulia ini melakukan ibadah di samping menjalani kehidupan sehari-hari kita serta melaksanakan pekerjaan dan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah memastikan bahawa apa pun pekerjaan yang kita lakukan itu tidak bercanggah dengan agama Islam dan peraturan ataupun undang-undang di negara ini. Ini termasuklah apabila kita menjalankan kewajipan kita sebagai pekerja sama ada di sektor awam maupun sektor swasta, sama ada memegang jawatan tinggi ataupun sebaliknya.

Apabila kita bekerja, bermakna kita adalah pemegang amanah. Dengan jawatan yang kita sandang, kita diberi kuasa dan kepercayaan dalam menjalankan tugas dalam usaha untuk mencapai objektif, misi dan visi jabatan, kementerian atau syarikat masing-masing. Dengan kuasa yang ada, kita perlu menjalankan tanggungjawab dengan ikhlas, jujur dan amanah serta penuh dedikasi, komited, telus, adil dan saksama. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Anfal, ayat 27 :

**Tafsirnya** : "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasulnya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu sedang kamu mengetahui".

Apabila kita memegang kuasa dalam satu-satu pekerjaan, maka kita hendaklah menjalankan dan melaksanakan kuasa tersebut selaras dengan prosedur, tatacara, peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan. Sesungguhnya kuasa tersebut tidak boleh sewenang-wenangnya disalahgunakan atau diperlakukan untuk kepentingan diri sendiri. Ini kerana sekiranya kuasa itu diselewengkan atau digunakan untuk melanggar peraturan yang telah ditetapkan untuk kepentingan diri sendiri atau untuk orang-orang tertentu sahaja, maka inilah yang dikatakan salah guna kuasa.

Kita sebagai umat Islam setentunya tahu bahawa perbuatan salah guna kuasa ini merupakan satu perbuatan yang dilarang dalam agama kita. Manakala dari segi perspektif undang-undang pula, salah guna kuasa ini merupakan satu kesalahan jenayah. Antara kesalahan yang berkaitan dengan salah guna kuasa ini adalah seperti rasuah dan pecah

## Jangan mengkhianati amanah yang telah dipertanggungjawabkan

amanah.

Sesungguhnya orang-orang yang melakukan jenayah salah guna kuasa ini adalah orang yang mementingkan diri sendiri. Mereka menggunakan kuasa dan jawatan mereka sebagai lesen untuk mendapatkan kesenangan diri sendiri atau untuk orang yang tertentu dengan cara yang salah. Salah guna kuasa juga dianggap sebagai perbuatan yang zalim. Dari perspektif Perkhidmatan Awam pula, penjawat awam yang menyalahgunakan kuasa mereka boleh menjelaskan kepercayaan orang ramai dan ini memberi impak yang buruk kepada negara. Ini kerana penjawat awam sepatutnya menggunakan kuasa dan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka untuk menjalankan tugas dan memberikan perkhidmatan dengan adil dan tidak mengambil kesempatan. Kerajaan melantik dan memberi jawatan untuk menjalankan tugas demi bangsa, negara dan agama untuk kebajikan dan kesejahteraan masyarakat. Bukan untuk kepentingan diri sendiri.

Antara contoh salah guna kuasa adalah seperti mereka yang memegang jawatan tinggi memberi arahan sesuka hati kepada orang bawahan atau pegawai dari jabatan lain untuk melakukan sesuatu yang melanggar prosedur kerja untuk kepentingan diri sendiri.

Selain itu, hanya kerana pangkat dan kedudukan yang tinggi serta jawatan yang disandang, seseorang itu sewenang-wenangnya menyuruh orang awam yang berurusan dengan jabatan mereka untuk melakukan sesuatu yang berbentuk peribadi dan bercanggah dengan etika kerja.

Alhamdulillah negara kita telah menggubal undang-undang bagi menangani kesalahan salah guna kuasa ini dan salah satunya ialah Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131. Akta ini memberi kuasa kepada pegawai-pegawai Biro Mencegah Rasuah untuk menyiasat mana-mana individu termasuk penjawat awam tidak kita pangkat atau jawatan, yang menyalahgunakan kuasa mereka dalam melakukan perbuatan menerima atau meminta rasuah dan memberi atau menawarkan atau menjanjikan rasuah.

Perbuatan menerima, meminta, memberi, menawarkan, menjanjikan rasuah jelas menunjukkan bahawa pelakunya sanggup mengkhianati amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya dan menyalahgunakan kuasanya untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang demi untuk mendapatkan habuan dan kesenangan dengan mudah serta memperoleh apa yang dihajatinya. Kesalahan-kesalahan ini tergantung di bawah Bab 6 (A) dan Bab 6 (B) Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131.

Selain itu, salah guna kuasa juga merujuk kepada kesalahan salah laku seperti yang terkandung di bawah Bab 12 A dan Bab 12 B Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 iaitu :

**Pertama** : Menggunakan dana atau sumber awam untuk tujuan persendirian atau kepentingan peribadi.

**Kedua** : Memberi layanan keutamaan yang tidak wajar.

**Ketiga** : Menyalahgunakan maklumat yang diterima semasa bertugas.

**Keempat** : Mengendalikan dirinya yang menyebabkan kepentingan peribadinya bertentangan dengan tugas awam seperti mengganggu, mempengaruhi pelantikan, kenaikan pangkat, penggantungan, penurunan pangkat atau pemecatan, sengaja salah laku dirinya sendiri dan dengan sengaja mengabaikan tugasnya.

Perlu diketahui, bahawa hukuman maksimum bagi kesalahan-kesalahan tersebut adalah denda 30 ribu ringgit dan penjaran selama tujuh tahun. Dengan penggubalan Akta Pencegahan Rasuah,

Penggal 131 ini, jelas menunjukkan bahawa kerajaan amat mengambil berat dan memandang serius terhadap kesalahan-kesalahan rasuah termasuk salah guna kuasa. Jika salah guna kuasa berlarutan dan dijadikan sebagai satu amalan, maka akan pincanglah pentadbiran negara kerana diterajui oleh mereka yang khianat dan tidak boleh dipercayai. Sesungguhnya orang yang diberi kepercayaan tetapi dia mengkhianatinya, maka orang tersebut adalah orang yang munafik. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Tanda-tanda orang munafik itu tiga perkara : Apabila berkata dia berbohong, apabila berjanji dia memungkiri dan apabila diberi amanah dia mengkhianati". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Oleh yang demikian, adakah kita mahu dianggap sebagai orang yang munafik kerana menyalahgunakan kuasa? Adalah diingatkan kepada kaum Muslimin sekalian bahawa orang yang munafik adalah orang yang dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana perbuatan tersebut adalah perbuatan yang tercela.

Mari kita renung akan sebuah kisah mengenai Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang terkenal dengan sifat kepimpinannya. Beliau yang amat berhati-hati dengan urusan harta terutama sekali yang melibatkan harta rakyat. Walaupun berjawatan khalifah, beliau tidak sewenang-wenangnya memakai harta kerajaan. Dikisahkan beliau sedang bertugas dan menggunakan lampu pelita kerana ruangan kerja yang gelap. Apabila keluarganya datang menemuiinya semasa bertugas tersebut, Khalifah Umar telah memadamkan lampu pelita itu kerana perkara yang dibicarakan adalah urusan peribadi dan tidak berkaitan dengan tugas.

Kisah ini menunjukkan kepada kita bagaimana amanahnya Khalifah Umar bin Abul Aziz dalam menjalankan tugasnya sehingga beliau memastikan bahawa beliau tidak menggunakan harta kerajaan untuk kegunaan peribadi. Ini adalah contoh integriti yang dapat kita jadikan sebagai panduan dalam kita menjalankan tugas dengan penuh amanah dan ikhlak kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebagai umat Islam, kita mengetahui bahawa apa sahaja yang diperoleh hasil daripada melakukan perbuatan yang salah di sisi agama Islam termasuk salah guna kuasa, adalah tidak berkat apatah lagi jika hasil tersebut diperoleh kerana melakukan kesalahan rasuah. Kita jangan terlalu taksub untuk mengumpul harta hingga sanggup menggunakan cara yang salah dan tidak betul. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata ia, Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Akan ada suatu zaman pada umat manusia yang seseorang itu tidak lagi mempedulikan apa yang diambilnya (rezeki yang diterima olehnya) apakah dari yang halal atau dari yang haram". (Hadis Riwayat Imam bukhari)

Kita boleh membantu mencegah perbuatan salah guna kuasa dengan melaporkannya kepada pihak penguat kuasa undang-undang termasuk Biro Mencegah Rasuah jika berkaitan dengan rasuah dan salah laku. Kita janganlah bersubhat dalam jenayah ini hanya kerana kita takut akan kuasa yang dipegang oleh pegawai tersebut. Mainkanlah peranan kita sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam yang prihatin akan kesejahteraan dan kebajikan masyarakat dan juga demi negara. Jalankan tanggungjawab kita sebagai warga Perkhidmatan Awam dengan memastikan tiada tolak ansur ataupun kompromi terhadap jenayah salah guna kuasa.

Kita hendaklah menjadi orang yang berintegriti yang tidak mudah digugat ataupun dipengaruhi hanya kerana dijanjikan kenaikan pangkat atau diberi imbuhan atau ganjaran kerana membuat sesuatu perbuatan yang melanggar prosedur kerja walaupun daripada pihak atasan atau orang yang berpengaruh. Jadilah orang yang tegas dan berpegang teguh kepada peraturan dan undang-undang. Kita tidak perlu takut melaporkan perkara yang salah di sisi undang-undang kerana apa yang kita buat adalah untuk mencegah jenayah.

Akhirnya, marilah kita sentiasa memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar kita terhindar daripada melakukan sebarang kesalahan jenayah seperti rasuah dan juga bertekad dan berazam untuk menjalankan tanggungjawab dengan jujur, ikhlas dan amanah serta berpegang teguh kepada ajaran agama Islam agar dapat melawan segala anasir jahat. Mudah-mudahan dengan yang demikian kita akan mendapat keredaan, keberkatan dan rahmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya** : "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia (hendaklah) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah (dengan suruhannya itu) memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat". (Surah An-Nisa, ayat 58)

**APABILA** kita memegang kuasa dalam satu-satu pekerjaan, maka kita hendaklah menjalankan dan melaksanakan kuasa tersebut selaras dengan prosedur,

tatacara, peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan. Sesungguhnya kuasa tersebut tidak boleh

sewenang-wenangnya disalahgunakan

atau diperlakukan untuk kepentingan diri sendiri.

Ini kerana sekiranya kuasa itu diselewengkan atau digunakan untuk melanggar peraturan yang telah ditetapkan untuk kepentingan diri sendiri atau untuk orang-orang tertentu sahaja, maka inilah yang dikatakan salah guna kuasa.

Kita sebagai umat Islam setentunya tahu bahwa perbuatan salah guna kuasa ini merupakan satu perbuatan yang dilarang dalam agama kita. Manakala dari segi perspektif undang-undang pula, salah guna kuasa ini merupakan satu kesalahan jenayah. Antara kesalahan yang berkaitan dengan salah guna kuasa ini adalah seperti rasuah dan pecah amanah.



# JANGAN MENGKHIANATI AMANAH YANG TELAH DIPERTANGGUNGJAWABKAN

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam 24 Jamadilawal 1445H/  
8 Disember 2023M

## Salah Guna Kuasa



Menggunakan kuasa dan jawatan mereka sebagai lesen untuk mendapatkan kesenangan diri sendiri/untuk orang yang tertentu dengan cara yang salah

- Perbuatan yang dilarang dalam agama kita
- Satu kesalahan jenayah dari segi perspektif undang-undang, contoh: rasuah dan pecah amanah
- Perbuatan yang zalim
- Dari perspektif perkhidmatan awam:
  - ✖ Boleh menjelaskan kepercayaan orang ramai
  - ✖ Memberi impak buruk kepada negara

## Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131



Kesalahan salah laku di bawah Bab 12A dan Bab 12B, Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 iaitu:

- Menggunakan dana atau sumber awam untuk tujuan persendirian atau kepentingan peribadi
- Memberi layanan keutamaan yang tidak wajar
- Menyalahgunakan maklumat yang diterima semasa bertugas
- Mengendalikan dirinya yang menyebabkan kepentingan peribadinya bersetentangan dengan tugas awam seperti: mengganggu, mempengaruhi lantikan, kenaikan pangkat, penggantungan, penurunan pangkat atau pemecatan, sengaja salah laku dirinya sendiri dan dengan sengaja mengabaikan tugasnya

**Hukuman maksima :**  
**Denda \$30,000 dan penjara selama tujuh tahun**

## Apa yang boleh kita buat?

Kita boleh membantu mencegah perbuatan salah guna kuasa dengan:



Laporkan kepada pihak penguatkuasa undang-undang



Jangan bersubahat hanya kerana kita takut akan kuasa yang dipegang oleh pegawai tersebut



Pastikan tiada tolak ansur/kompromi terhadap jenayah salah guna kuasa



Jadilah orang yang berintegriti yang tidak mudah digugat/dipengaruhi hanya kerana dijanjikan kenaikan pangkat/diberi imbuhan/ganjaran

# دعا ممohen كقد الله سقايي قرسلامة

## درقد بلاء دان سکل جنیس چاکیت

**DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی ۴.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا حَلَقَ ۝ ۳ کالی ۴.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی ۴.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ  
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنْنَا وَبِاللَّهِ  
أَخْتَنَّنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعَزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.  
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلَنَا عَلَى الْحَمِيْرِ الَّذِي لَا  
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّنَا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ  
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّغْيَانَ وَالظَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَقِنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی ۴.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anjaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذْهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ لَمَمَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَاذِي دِينٍ يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا يَادِيهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعْ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَنْعُودُهُ حَفَظْهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ٦٥٥

**Peringatan :**

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna.

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُفَضَّلِّي بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَائِجِ، وَيُسْتَسْقَى بِالْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٌ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engku limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنِّي، فَاغْفِرْ لِي فِإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engku. Engku telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejadian yang ku lakukan. Aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engku".

**Fadilatnya :**

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْ مِبَاوَا كِبَرَاوْ نَتوْعَنْ سَاعَتْ بَسْر كَفْدُ قَعْمَلْنْ ( تَولُقْ بَلَاءَ )

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

**Penerangan :**

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

**Penerangan :**

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(1)

يَا حَمِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

**Penerangan :**

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(5)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(4)

# AICIF KE-11 : PERANAN KEWANGAN ISLAM MEMBINA EKONOMI REGENERATIF, MAMPAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Nur Izzah Razali  
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 6 Disember. - Lebih 200 penyertaan yang terdiri daripada peserta tempatan dan luar negara menyertai Forum Ekonomi Islam semasa Persidangan Antarabangsa Universiti-universiti Asean Dalam Kewangan Islam (AICIF) Ke-11 yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Forum menampilkan ahli-ahli panel jemputan luar negeri dari universiti-universiti ASEAN terdiri daripada Dekan, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Islam, Universiti Islam Negeri, Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia, Dr. Afdaawaiza, S.Ag., M.Ag; Dekan, Institut Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Profesor Datuk Dr. Rusni Hassan; Profesor Madya Dr. Zainal Alim Adiwijaya, SE, MSi dari Jabatan Perakaunan, Fakulti Ekonomi, Universitas Islam Sultan Agung, Indonesia; Dekan, The King Faisal Center for Islamic, Arabic and Asian Studies, Mindanao State University, Mindanao, Philippines, Profesor Abdulcadher M.Ayo; Naib Rektor, Penyelidikan, Khidmat

Masyarakat, dan Alumni Universiti Darussalam Gontor, Indonesia, Dr. Ahmad Khoirul Umam; Profesor Madya Dr. Rahmawati dari Jabatan Perakaunan, Sate Islam Universitas Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia; dan Pengarah, Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani selaku moderator.

Dengan tajuk 'The Role of Islamic Finance towards a Regenerative and Sustainable Economy', forum tersebut membincangkan mengenai kewangan Islam yang memainkan peranan penting dalam membina ekonomi regeneratif dan mampan.

Perbincangan juga turut merangkumi prinsip unik kewangan Islam, sumbangan sejarah kepada kemampunan, cabaran dan peluang.

Ahli panel juga meneroka inovasi, usaha kolaboratif, aspek kawal selia dan peranan pendidikan dalam menggalakkan pelaburan yang mampan.

Selain itu, forum itu menangani perspektif global, pengukuran impak dan arah aliran masa depan,

memberikan gambaran menyeluruh tentang kepentingan kewangan Islam dalam memupuk kemampunan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada forum tersebut ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Turut hadir, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfari bin Haji Zainal serta pegawai-pegawai Utama UNISSA, wakil-wakil dari universiti ASEAN, para pembentang dan peserta persidangan dari dalam dan luar negara yang mengambil bahagian dalam persidangan tersebut.

Sementara itu, Dekan FEKIm, UNISSA, Dr. Muhammad Zaki bin Haji Zaini / Haji Jaineah dalam ucapannya menyatakan, kemajuan dan daya tahan Kewangan Islam bukanlah satu mitos kerana kita telah menyaksikan ketangkasan dan ketahanannya semasa pandemik COVID-19 yang telah menjelaskan sistem penjagaan kesihatan, ekonomi dan mata pencarian serta memperkuuh ketidaksamaan yang sedia ada dan memburukkan lagi tahap kemiskinan global.



**SETIAUSAHA** Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada forum tersebut (atas), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada forum tersebut. Sementara gambar bawah kanan, forum menampilkan ahli-ahli panel jemputan luar negeri dari universiti-universiti ASEAN.

Menurutnya, bencana alam dan malapetaka serta kesan lain seperti perubahan iklim menjadi cabaran untuk kelangsungan hidup manusia sekarang.

Persidangan tersebut menghimpunkan ramai ahli akademik, pembuat dasar, pakar dan pengamal ekonomi Islam global khususnya di rantau

ASEAN.

Antara tujuan utama forum itu diadakan adalah untuk menekankan kepentingan berkolaborasi antara ahli akademik dan pelaku industri untuk mempromosikan kewangan Islam dalam mempertahankan perannya untuk mencapai sasaran SDGs.



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Muhammad Asri  
Haji Awang Abas

## Majlis Makan Malam raikan AICIF 2023



**PEMANGKU** Pengarah Urusan, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi Makan Malam (atas dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 6 Disember. - Bagi meraikan para ucapama serta pembentang bagi Persidangan Antarabangsa Universiti ASEAN dalam Kewangan Islam Ke-11 (AICIF 2023), satu Majlis Resepsi Makan Malam diadakan malam tadi di Serambi Suluh Hall, Tarindak D'Seni, di sini.

kepada semua pengajur bersama di atas komitmen mereka yang tidak putus-putus dalam menyokong giliran FEKIm untuk menganjurkan AICIF Ke-11 di Negara Brunei Darussalam pada tahun ini.

Menurutnya, kehadiran semua wakil-wakil universiti ASEAN telah menjadikan ia satu peristiwa yang menakjubkan untuk membina, mengukuhkan hubungan dan kerjasama dalam terus memupuk kemajuan dalam Kewangan Islam sebagai agenda global.

Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian hadiah dan sijil kertas kerja terbaik yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Juga hadir, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfari bin Haji Zainal, pegawai-pegawai Utama UNISSA, wakil-wakil dari Universiti ASEAN, para pembentang dan peserta persidangan.

Adapun persidangan itu diadakan adalah bertujuan untuk membincangkan dan menilai perkembangan perbankan dan kewangan Islam selain memberikan saranan hala tuju dan masa depan kepada pihak perbankan dan kewangan Islam.

AICIF adalah platform penting



dan berkesan untuk berkongsi pandangan mengenai perkembangan terkini perbankan dan kewangan Islam

**DEKAN** FEKIm, UNISSA, Dr. Muhammad Zaki bin Haji Zaini / Haji Jaineah semasa berucap.



# LEBIH BND1.7 JUTA DISUMBANGKAN KE TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023

**Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 6 Disember. - Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan tersebut hari ini bersidang di KKBS.

Mesyuarat antara lain membincangkan mengenai perkembangan status Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023, termasuk laporan aktiviti-aktiviti yang telah diadakan bagi kutipan derma tabung berkenaan, yang telah diberikan kebenaran melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan / atau Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), semenjak pelancaran Tabung berkenaan pada 18 Oktober 2023.

Setakat, 6 Disember 2023 pagi tadi, jumlah terkini sumbangan daripada orang ramai kepada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah melebihi BND1.7 juta.

Berdasarkan penilaian Jawatankuasa yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, jawatankuasa telah bersetuju untuk menyokong bagi penghantaran pertama hasil kutipan tersebut untuk disalurkan kepada United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees (UNRWA), bagi membantu dan meringankan beban serta penderitaan yang dihadapi oleh rakyat Palestin di Gaza pada masa ini.

Tabung ini akan masih dibuka bagi sumbangan orang ramai hingga 18 Januari 2024. Mudah-mudahan dengan sumbangan ikhlas yang telah dihulurkan akan mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin.

Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah dibuka kepada orang ramai selama tiga bulan bermula 18 Oktober 2023 hingga 18 Januari 2024.

Tabung ini merupakan sebuah platform yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Hadir pada mesyuarat berkenaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan wakil-wakil Setiausaha Tetap daripada Kementerian Pertahanan; Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Kesihatan; KHEDN; Pengarah Urusan Imagine Sdn. Bhd.; wakil-wakil daripada Datastream Digital Sdn. Bhd., dan Progresif Cellular Sdn. Bhd. serta pegawai-pegawai kanan Kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkenaan.

Dalam pada itu, Jawatankuasa Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua penderita di negara ini di atas keprihatinan dan sumbangan derma yang telah dihulurkan kepada tabung tersebut.

Tabung ini akan masih dibuka bagi sumbangan orang ramai hingga 18 Januari 2024. Mudah-mudahan dengan sumbangan ikhlas yang telah dihulurkan akan mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin.

Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah dibuka kepada orang ramai selama tiga bulan bermula 18 Oktober 2023 hingga 18 Januari 2024.

Tabung ini merupakan sebuah platform yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan



**MESYUARAT** Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Negara Brunei Darussalam untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan secara langsung dan membolehkan pelbagai pihak menganjurkan aktiviti-aktiviti amal dan kebajikan bagi tujuan kutipan derma tersebut.

Sehubungan itu, orang ramai yang berhasrat untuk mengadakan kutipan derma bagi tabung berkenaan hendaklah memohon kebenaran terlebih dahulu daripada JAPEM selaku Urus Setia Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023, jika hasil kutipan bersih (100 peratus) disumbangkan kepada tabung berkenaan.

Jika ada individu, persatuan dan agensi lain yang berdaftar ingin menderma sebahagian sahaja dari hasil kutipan bersih yang diperolehi dari mengadakan aktiviti-aktiviti yang berbentuk hiburan awam, adalah disarankan untuk memohon kebenaran terlebih dahulu daripada KHEDN.

Selain itu, orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan juga boleh menderma secara dalam talian melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), nombor akaun 00-001-01-0089051 (Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023) atau melalui perkhidmatan BIBD QuickPay dengan mengimbas Kod QR yang boleh didapati di poster-poster dan

pelekat-pelekat (sticker) Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Peti-peti tabung juga disediakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat, bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara.

Di samping itu, orang ramai juga boleh menghantar derma terus kepada Urus Setia Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, bangunan KKBS, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat.

## Raikan sumbangan, jasa sukarelawan



**SETIAUSAHA** Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku tetamu kehormat pada kolokium bersempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, perbincangan panel yang menampilkan beberapa pemimpin sukarelawan Brunei yang terkemuka.

Oleh: Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

**GADONG**, Rabu, 6 Disember. Bersempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa, Bank Baiduri dengan kerjasama Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (BRC) menganjurkan kolokium yang bertemakan 'Sukarelawan Menjalin Kita Bersama' yang berlangsung kelmarin di Baiduri Community Space, Baiduri Bank Headquarters, Gadong, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada kolokium berkenaan ialah

Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Atur cara turut diisikan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh salah seorang delegasi sukarelawan dari Laos, Mena Keomany.

Mena Keomany semasa ucapannya menjelaskan, setiap sukarelawan yang hadir pada kolokium berkenaan mewakili suara, harapan, kekuatan untuk

kebaikan, dan sudah setentunya individu, apabila bersatu dengan tujuan yang sama, boleh mencapai sesuatu yang luar biasa.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan tetamu kehormat menyempurnakan pelancaran kolokium berkenaan, diikuti dengan perbincangan panel yang menampilkan beberapa pemimpin sukarelawan Brunei yang terkemuka iaitu Dr. Hajah Helena POKSJ DP Haji Hurairah, Awang Mohammad Ahsmeer Imtiaz Ahmad, Awang Haji Abu Zar dan Izyan Osman, yang dikendalikan oleh Pengasas Bersama Rangkaian Profesional Muda Brunei, Aspadiyah Mohd. Sah.

Delegasi dari Kembuja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Thailand, Viet Nam dan Negara Brunei Darussalam turut terlibat dalam sesi perkongsian yang berwawasan, membincangkan pengalaman mereka yang diperoleh daripada menjadi sukarelawan.

Hari Sukarelawan Antarabangsa, yang dimandatkan oleh Perhimpunan Agung PBB dan disambut pada 5 Disember setiap tahun, berfungsi sebagai peluang untuk sukarelawan serta organisasi untuk meraikan sumbangan, berkongsi nilai dan mempromosikan kerja mereka.

Bank Baiduri baru-baru ini telah mengukuhkan perkongsian strategiknya dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dengan memberi tumpuan kepada pembangunan dan peningkatan selanjutnya iaitu Mengalinga - aplikasi mudah alih yang



menyediakan platform untuk mempromosikan kesukarelawanan.

Inisiatif ini membentuk aspek utama strategi Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Bank Baiduri, kunjungi [www.baiduri.com](http://www.baiduri.com).



# Pelancaran Buku Kod Etika Kaunselor JAPEM

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman, Nur Izzah Razali  
Foto : Nur Izzah Razali



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), KKBS bergambar ramai pada Pelancaran Buku Kod Etika Kaunselor JAPEM.

**BERAKAS,** Khamis, 7 Disember. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Unit Kaunselingnya akan terus komited bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kaunseling, sejajar dengan misinya iaitu 'Memberi perkhidmatan kaunseling secara profesional ke arah melahirkan masyarakat yang berdaya tahan'.

Sehubungan itu, sebagai inisiatif dan salah satu tindakan di bawah Pelan Strategik KKBS 2020 - 2024, ke arah menambah baik pemberian perkhidmatan, bagi membangun 'Masyarakat Yang Progresif', Unit Kaunseling, JAPEM menerbitkan Kod Etika Kaunselor, yang dihasrat sebagai bahan rujukan dan garis panduan bagi kaunselor-kaunselor, para-kaunselor dan pengamal kaunseling yang lain.

Penghasilan Buku Kod Etika Kaunselor JAPEM merupakan usaha bersepada senegara yang akan menyokong Pelan Tindakan

Kesihatan Mental 2022-2025 di dalam Strategi Pertama : Strengthen Effective Leadership and Governance for Mental Health.

Di bawah Priority Action 5, KKBS dan Jabatan Perkhidmatan Awam telah diamanahkan untuk sama-sama menerajui penyediaan Kod Etika Kebangsaan ataupun National Code of Ethics, dengan kerjasama agensi lain.

Kod Etika ini mengandungi lapan bahagian utama, yang antara lain berhasrat untuk menerapkan nilai-nilai profesional dan meningkatkan kemahiran dalam diri kaunselor.

Di samping itu, ia juga menggariskan tatacara untuk menjalankan perkhidmatan dengan penuh amanah, adil dan jujur, selaras dengan qudwah yang dianjurkan Islam dan melindungi hubungan yang berintegriti antara kaunselor dan klien.

Pelancaran Buku Kod Etika Kaunselor JAPEM berkenaan disempurnakan petang tadi oleh

Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Johari pada majlis yang diadakan di Bilik VIP, Tingkat 1, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Berucap pada majlis tersebut, Dayang Hajah Nor Ashikin menjelaskan pada tahun 2020, menurut laporan dari Kementerian Kesihatan, kira-kira 7,000 orang telah dan sedang dirawat bagi penyakit mental di Negara Brunei Darussalam. Ini termasuk diagnosis gangguan psikotik seperti Skizofrenia, gangguan mental yang teruk yang boleh menjasikan keupayaan untuk berfungsi, kemurungan dan gangguan bipolar. Unit Kaunseling JAPEM sememangnya merupakan salah satu tempat bagi sesiapa saja untuk mendapatkan khidmat kaunseling.

"Dari tahun 2020 hingga November tahun ini, sebanyak 280 kes telah diterima oleh Unit Kaunseling JAPEM, sama ada yang dirujuk atau hadir sendiri.

Sebanyak 185 daripada jumlah tersebut merupakan kes yang masih aktif menjalankan kaunseling dan saya difahamkan bahawa kes tertekan merupakan kes tertinggi dalam masa tiga tahun berturut-turut," ujar beliau.

Perkara ini jelasnya menunjukkan perlunya lebih banyak usaha, untuk memajukan strategi dan intervensi masalah kesihatan mental di mana kita juga harus berusaha untuk mengurangkan stigma dan diskriminasi, terhadap mereka yang mempunyai masalah kesihatan mental.

Oleh itu, ujar beliau, amatlah bersesuaian bagi Kod Etika Kaunselor ini dilancarkan bersempena Hari Kesihatan Mental Sedunia yang disambut setiap 10 Oktober setiap tahun.

Dayang Hajah Nor Ashikin seterusnya menekankan perlunya kerjasama yang padu, dari semua kementerian dan agensi-agensi yang terlibat untuk menyokong dan mengukuhkan kesihatan mental masyarakat secara holistik.

"Dengan adanya Buku Kod Etika Kaunselor JAPEM ini, adalah diharap ia akan dapat mengembangkan tanggungjawab profesional dan garis panduan dalam pengamalan etika kaunseling dan memperincikan lagi hak dan kewajipan antara klien dan kaunselor, melalui hubungan profesional yang terjalin serta menjamin kebaikan dan kesejahteraan kaunselor dan klien," tambahnya.

Sementara itu, dalam ucapan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh selaku Pengerusi Majlis pula menjelaskan, penghasilan buku ini juga merupakan garis panduan bagi kaunselor-kaunselor dan pengamal kaunseling untuk memberikan perkhidmatan yang lebih efisien dan beretika dan juga



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), KKBS semasa berucap pada majlis berkenaan.

merupakan langkah bersepada dan usaha senegara yang bertujuan untuk menyokong serta memperkuuh kesihatan mental masyarakat di negara ini.

Beliau menyatakan, dengan adanya garis panduan atau Kod Etika Kaunselor ini akan melahirkan lebih ramai pegawai kaunseling yang lebih profesional dan sekalogis, dapat membanteras stigma masyarakat terutamanya individu yang kurang berkeyakinan untuk tampil ke hadapan bagi mendapatkan rawatan yang merupakan hak asasi individu tersebut demi mencapai kesihatan mental yang sejahtera.

Sejurus pelancaran, tetamu kehormat turut menyempurnakan penyerahan buku-buku berkenaan kepada agensi-agensi kerajaan serta persatuan-persatuan dan rakan-rakan strategik yang turut secara aktif menawarkan perkhidmatan kaunseling dan menyokong tindakan yang menggalakkan dan melindungi kesihatan mental masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

## 229 REKRUT LELAKI, 54 REKRUT WANITA TAMAT LATIHAN

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hamzah Mohidin

**TUTONG,** Jumaat, 8 Disember. - Seramai 229 anggota Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-172 dan 54 anggota Rekrut Wanita Pengambilan Ke-58 telah berjaya menamatkan Latihan Asas Ketenteraan yang mengambil tempat di Padang Kawad Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (IL ABDB), Penanjong Garison, pagi ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Kapten Haji Mohamad Sarif Pudin bin Matserudin.

Turut hadir, Pemangku Timbalan-timbalan Pemerintah

Angkatan Tentera, Pemangku Timbalan Pemerintah Angkatan Bersama, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan anggota dari Kementerian Pertahanan dan ahli-ahli keluarga rekrut.

Semasa upacara tersebut, tetamu kehormat memeriksa perbarisan dan menyampaikan ucapan.

Majlis juga turut menyaksikan penyampaian anugerah-anugerah kepada rekrut-rekrut dan jurulatih-jurulatih yang telah mempamerkan prestasi cemerlang dalam kategori-kategori tertentu di sepanjang latihan dijalankan.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis yang berlangsung di Padang Kawad Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Penanjong Garison.

Penerima-penerima anugerah bagi Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-172 ialah 55367 Rekrut Mohammad Nazirul Hazwandi bin Mohammad Fazrie bagi Anugerah Rekrut Terbaik Keseluruhan, 55438 Rekrut Mohammad Iekkal@Mohamad Iqbal bin Omar Ali bagi Anugerah Kemahiran Tentera Terbaik, 55546 Rekrut (U) Mohammad Elwin Shaqirulriffin bin Mohamad Saiful Ehsan bagi Anugerah Rekrut Terbaik Senjata Ringan dan 55419 Rekrut Muhammad Khairul Azmi bin Azlan bagi Anugerah Latihan Jasmani Terbaik. Manakala 16893 Koperal Sarinan bin Haji Budin telah menerima Anugerah Ketua Seksyen Terbaik dan 19413 Sarjan Mohammad Shahlani bin Haji Zailani sebagai Platan Sarjan Terbaik.

Penerima-penerima anugerah bagi Rekrut Wanita Pengambilan Ke-58 pula ialah 22321 Rekrut Nurul Amalina Anizah binti Jubahri bagi Anugerah Rekrut Terbaik Keseluruhan, 22331 Rekrut (U) Nur Amaliyana Sya'irah binti Abdul Latif bagi Anugerah Kemahiran Tentera Terbaik, 22310 Rekrut Nor Siti Syahidah binti Haji Yusdi bagi Anugerah Rekrut Terbaik Senjata Ringan dan 22306 Rekrut Nurul Sahirah binti Roslan bagi Anugerah Latihan Jasmani Terbaik. Manakala 21527 Koperal (U) Siti Noorfaridah binti Safar telah menerima Anugerah Ketua Seksyen Terbaik dan 21452 Bintara Zaahidah binti Zainal@Elsa Sulastri, TLDB sebagai Platan Sarjan Terbaik.



PEMANGKU Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Kapten Haji Mohamad Sarif Pudin bin Matserudin hadir selaku kehormat pada majlis berkenaan (atas dan bawah).





## IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURIAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

- 1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



- 2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

### PERINGATAN PENTING

- 1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 ([WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN))
- 2 Lengkapkan Kelulusan (Reputusari / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 Must naik dokumen kelulusan yang lengkap (Setanding dengan peraturan Majlis Kelulusan Pengurusan Kehakiman (MKPK) yang berkenaan)
- 4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 5 Lengkapkan Maklumat (Barisan / pekerjaan / Peperiksaan / Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn Talian WhatsApp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam PSC.BN

Jawatan, Tingga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PEGAWAI PELAJARAN G.13 (BAHAGIAN II) 2023/NOV/11	JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	7(A)	16 DISEMBER 2023
2. PEMBANTU TEKNIK KANAN C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2023/NOV/06	PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	16 DISEMBER 2023
3. PEGAWAI EKONOMI B.2 / B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2023/NOV/08	JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	01	7(A)	18 DISEMBER 2023

- PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
  2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIILKANAKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
  3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)



## JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Jawatan Kosong Sebagai Ketua Kampung Tingkat I PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240)

atau

Ketua Kampung Tingkat II PMKK.2 (BND1,990 - BND2,970)

atau

Ketua Kampung Tingkat III PMKK.1 (BND1,280 - BND2,270)

bagi

Daerah Tutong

1. Kampung Petani, Mukim Pekan Tutong
2. Kampung Pengkalan Mau, Bakiau dan Batang Mitus, Mukim Kiudang
3. Kampung Bukit Sulang, Menengah dan Panchong, Mukim Lamunin
4. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 2, Mukim Telisai
5. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang

Kawasan 4, Mukim Telisai  
6. Kampung Layong, Mukim Lamunin  
7. Kampung Merimbun, Mukim Rambai

### Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

Bahagian Institusi Mukim dan Kampung  
Jabatan Daerah Tutong  
Kementerian Hal Ehwal  
Dalam Negeri  
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada Sabtu, 13 Januari 2024, Jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 4222491.



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

### Sebut Harga Rancangan Pemakanan Sekolah

**Bilangan Sebut Harga :**  
DA / JKSH / 158 / 2023 / 2024 [BPPA-DIS-2023]

**Tajuk Sebut Harga :**  
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Danau  
2. Sekolah Rendah Tumpuan Telisai  
3. Sekolah Rendah Abd Rashid, Tanjung Maya  
4. Sekolah Rendah Lubuk Pulau Kementerian Pendidikan, Daerah Tutong, Bagi Tempoh Empat (4) Bulan Kod Blok : SM / 42

**Bilangan Sebut Harga :**  
DA / JKSH / 159 / 2023 / 2024 [BPPA-DIS-2023]

**Tajuk Sebut Harga :**  
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Orang Kaya Ali Wanika Setia Diraja, Kupang  
2. Sekolah Rendah Birau  
3. Sekolah Rendah Bekiau  
4. Sekolah Rendah Batang Mitus Kementerian Pendidikan, Daerah Tutong, Bagi Tempoh Empat (4) Bulan Kod Blok : SM/43

**Bilangan Sebut Harga :**  
DA / JKSH / 160 / 2023 / 2024 [BPPA-DIS-2023]

**Tajuk Sebut Harga :**  
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan

Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :

1. Sekolah Rendah Kuala Belait
2. Sekolah Rendah Sungai Teraban
3. Sekolah Rendah Muhammad Alam, Seria Kementerian Pendidikan, Daerah Belait, Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan Kod Blok : SM/48

**Bilangan Sebut Harga :**  
DA / JKSH / 161 / 2023 / 2024 [BPPA-DIS-2023]

**Tajuk Sebut Harga :**  
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah PSJ Pg. Haji Abd. Momin, Kg. Pandan, Kuala Belait Kementerian Pendidikan, Daerah Belait, Bagi Tempoh Empat (4) Bulan Kod Blok : SM/53

**Bilangan Sebut Harga :**  
DA / JKSH / 162 / 2023 / 2024 [BPPA-DIS-2023]

**Tajuk Sebut Harga :**  
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi : Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan Kementerian Pendidikan, Daerah Belait, Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan Kod Blok : SM/55

**Bilangan Sebut Harga :**  
DA / JKSH / 163 / 2023 / 2024 [BPPA-DIS-2023]

**Tajuk Sebut Harga :**  
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Selangan  
2. Sekolah Rendah Amo  
3. Sekolah Rendah Negalang  
4. Sekolah Rendah Labu Estate Kementerian Pendidikan,

**Daerah Temburong, Bagi Tempoh Enam (6) Bulan Kod Blok : SM/57**

**Bilangan Sebut Harga :**  
DA / JKSH / 164 / 2023 / 2024 [BPPA-DIS-2023]

**Tajuk Sebut Harga :**  
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Basah Bagi : Sekolah Sukan, Jalan Pulaie Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara, Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan Kod Blok : AB/12

**Bilangan Sebut Harga :**  
DA / JKSH / 165 / 2023 / 2024 [BPPA-DIS-2023]

**Tajuk Sebut Harga :**  
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Kering Bagi : Sekolah Sukan, Jalan Pulaie Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara, Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan Kod Blok : AK/08

**Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :**  
BND5.00  
[Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

**Tarikh Tutup dan Waktu :**  
16 Disember 2023.  
Tidak lewat jam 9.00 Paggi.



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Bagi Membekalkan Pakaian Seragam Pengawal Keselamatan Di Bawah Kawalan Kementerian Pendidikan**

**Bilangan Sebut Harga :**  
DA / JKSH / 166 / 2023 / 2024 [AKS-DIS-2023]

**Tajuk Sebut Harga :**  
Sebut Harga Bagi Membekalkan Pakaian Seragam Bagi Pengawal Keselamatan Dibawah Kawalan Kementerian Pendidikan

### Bayaran Yuran / Dokumen

**Sebut Harga :**  
BND5.00

[Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

**Tarikh Tutup dan Waktu :**  
16 Disember 2023.  
Tidak lewat jam 9.00 Paggi.



## JABATAN BANDAR BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran :**  
JBBSB / LTK / 2023-2024 / 03 / UPA

**Nama Tawaran :**  
Request For Proposal to Develop, Operate, Manage and Maintain Car Park at Bandar Seri Begawan Municipal Board Area, Bandar Seri Begawan

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
12 Disember 2023.  
Jam 2.00 Petang.



## UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

### Makluman Iklan Lanjutan

**UNISSA / SB0053 / 2023 / 2024 :**  
Membekal Dan Menghantar Buku-Buku Fakulti Usuluddin dan Pusat Penyelidikan Mazhab Syafie Bagi Kegunaan Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Provisions Di Kampus Sinaut, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**UNISSA / SB0052 / 2023 / 2024 :**  
Installation and Supply Of Automatic Water Irrigation System and Ventilation / Air Circulation System Including

**Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan Sehingga :**  
Tidak lewat Rabu, 13 Disember 2023.  
Jam 2.00 Petang.



**MAHKAMAH BESAR  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM**

Di dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

**KES NO.**  
**BCY / CP / 586 / 2017**

BANK ISLAM BRUNEI  
DARUSSALAM BERHAD  
- Pemutang / Pemetsiyen

MOHAMAD SHAMSUL  
BIN AWANG DOMING  
(01-040983)  
- Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **25 November 2023**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**  
MOHAMAD SHAMSUL  
BIN AWANG DOMING  
No. 5, Spg. 54,  
Jln. Kemangsi Selatan,  
RPN Kg. Meragang BT2728  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Permohonan :**  
4 Oktober 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh :**  
4 Disember 2023

**KES NO.**  
**BCY / CP / 681 / 2015**

BIBD AT-TAMWIL BERHAD  
- Pemutang / Pemetsiyen

MOHAMAD IBRAHIM  
BIN MOHAMED  
(00-293379 - Kuning)  
- Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **23 November 2023**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**

MOHAMAD IBRAHIM  
BIN MOHAMED  
No. 19, Simpang 62-19,  
Jalan Binglu Tengah,  
RPN Kampung Tanah Jambu,  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Permohonan :**  
18 September 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Kelakayan :**  
Mempunyai Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas III, IV atau V sahaja, dalam kategori E03 (mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E03)

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Unit Tawaran, Tingkat 4, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

**Perhatian :**  
Sila sertakan salinan "BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 - SECTION 16 & 17" dan Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD) semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



**Tempat Tutup :**  
"Tender Box"  
Pengurusi Lembaga  
Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bangunan Jabatan Perdana  
Menteri,  
Bandar Seri Begawan, BB3913  
Negara Brunei Darussalam

## IKLAN

**Bertarikh :**  
4 Disember 2023

**KES NO.**  
**BCY / CP / 121 / 2011**

BAIDURI BANK SDN BHD  
- Pemutang / Pemetsiyen

NORFIZALAHYATI  
BINTI ABDULLAH  
(00-298344 - Kuning)  
- Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **16 November 2023**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**

BAIDURI BANK SDN BHD  
- Pemutang / Pemetsiyen

ABDUL KADER ANWAR BATCHA  
(Kad Pengenalan Brunei No. 50-723857 / INDIAN PASSPORT Z2261597 - Hijau)  
- Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **30 November 2023**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**

ABDUL KADER ANWAR BATCHA  
No. 20, Block B,  
Delima Jaya Complex,  
Kg. Delima Satu, Jalan Muara,  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Permohonan :**  
25 Julai 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh :**  
4 Disember 2023

**KES NO.**  
**BCY / CP / 353 / 2005**

BANK ISLAM BRUNEI  
DARUSSALAM BERHAD  
- Pemutang / Pemetsiyen

JAMILIAH BINTI HAJI OMAR  
(00-073785 - Kuning)  
- Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **30 November 2023**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**

JAMILIAH BINTI HAJI OMAR  
No. 48, Lot 5528,  
Jln. 35, Perumahan Rimba Gadong, BE3319  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Permohonan :**  
19 Oktober 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 23

## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



Pemberitahuan Tawaran Kementerian Kewangan dan Ekonomi Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran :**  
MOFE / UPAH / T / 2023 - 1

**Tajuk Tawaran :**  
Projek Menaik Taraf Sistem Closed Circuit Televisyen (Cctv) Bagi Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**Yuran Tawaran / Dokumen :**  
BND30.00 bagi Yuran Tawaran dan BND5.00 bagi Yuran e-dokumen (Jika pihak penender memerlukan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa, 26 Disember 2023. Tidak lewat jam 2.00 Petang.



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

**>> Muka 22**

**Bertarikh :**  
4 Disember 2023

**Kes No. BCY / CP / 623 / 2010**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**  
(previously filed by HSBC Finance (B) Berhad)  
- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**MUSSIDI BIN APOL @ HAPOL**  
(BYIC No. 00-069242 / RBAF NO. 6354)  
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 5 Mac 2011 telah dibatalkan pada **5 Mac 2011**.

**Nama Penghutang :**  
MUSSIDI BIN APOL @ HAPOL

**Alamat Penghutang :**  
No. 8, Kampung Bukit, Tutong TF3147 Negara Brunei Darusalam

**Bertarikh :**  
4 Disember 2023

**Kes No. BCY / CP / 475 / 2010**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**  
(previously filed by HSBC Finance (B) Berhad)  
- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**SURIANI BINTI HAJI MUIN**  
(BYIC No. 00-254498)  
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 3 Mac 2011 telah dibatalkan pada **30 November 2023**.

**Nama Penghutang :**  
SURIANI BINTI HAJI MUIN

**Alamat Penghutang :**  
No. 30, Block D23, Simpang 172, Jalan Sungai Bakong Selatan, RPN Lumut, KC5335 Negara Brunei Darusalam

**Bertarikh :**  
4 Disember 2023

**MUHD MUZZAKIR**  
**BIN HAJI ZAKARIA**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**Kes No. BCY / CP / 2 / 2012**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**  
(previously filed by HSBC Finance (B) Berhad)  
- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**NONI BINTI A. LAZIM / A. LAJIM**  
(BYIC No. 00-294878)  
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 13 Oktober 2012 telah dibatalkan pada **18 November 2023**.

**Nama Penghutang :**  
NONI BINTI A. LAZIM / A. LAJIM

**Alamat Penghutang :**  
No. 7, Simpang 671-54, Kampung Salambigar,

Jalan Muara, Negara Brunei Darusalam

**Bertarikh :**  
29 November 2023

**Kes No. BCY / CP / 184 / 2013**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**  
(previously filed by HSBC Finance (B) Berhad)  
- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**MUSSIDI BIN APOL @ HAPOL**  
(BYIC No. 00-069242 / RBAF NO. 6354)  
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 24 Oktober 2012 telah dibatalkan pada **23 November 2023**.

**Nama Penghutang :**  
CHENG SENG LEE

**Alamat Penghutang :**  
Lot 2672, 3A, Jalan Tengah, Seria, KB1190 Negara Brunei Darusalam

**Bertarikh :**  
4 Disember 2023

**NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**KES NO.**  
**BCY / CP / 353 / 2018**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**  
- Pemutang / Pemetisyen

**MUHAMMAD HERMY FADZEL**  
BIN HASSAN (00-300212 - Kuning)  
- Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penhukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **30 November 2023**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**

**MUHAMMAD HERMY FADZEL**  
BIN HASSAN No. 13, Jalan 83 Kampung Perpindahan Lambak Kanan, BC2515 Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Permohonan :**  
13 Oktober 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh :**  
4 Disember 2023

**DK SITI NURSU'AIDAH**  
BINTI PG JUFRIZAR  
@ PG TAJUDDIN  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**Bertarikh :**  
4 Disember 2023

**Kes No.**

**BCY / CP / 241 / 2023**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**  
- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**NURUL YUTHIKA**

**BINTI AWANG NASIR**

**(BYIC No. 01-045561)**

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **25 November 2023**.

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **12 Oktober 2023**.

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**

- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**ASMARULISAM BIN AHANAPI**

**(ABDB No. 283376)**

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **12 Oktober 2023**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**

**ASMARULISAM BIN AHANAPI**

No. 3, Spg. 384-112-5,

Kg. Keriam, Tutong

Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**

14 Ogos 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh :**

5 Disember 2023

**Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **12 Oktober 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 18 Januari 2024, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-buktii kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **18 Januari 2024, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyalah penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalalannya.

**Bertarikh :**

5 Disember 2023

**MUHAMMAD SYAFIQ**

**BIN AWANG HAJI ZAKARIA**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

B/P Pegawai Penerima Rasmi

Mahkamah Besar

**Kes No.**

**BCY / CP / 4 / 2020**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**  
- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**ALIZAN BIN MAIDIN**

(BYIC No. 00-253670)

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **25 November 2023**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**

**ALIZAN BIN MAIDIN**

No. 3, Simpang 11-92,

Kampung Bunut

Jalan Hj Halus KM 7,

Jalan Tutong BF1320

Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**

3 Mac 2020

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh :**

2 Disember 2023

**Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **25 November 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah Besar pada 26 Februari 2024, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-buktii kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **26 Februari 2024, jam 9.30 Pagi di**

# PUPUK TENAGA KERJA CELIK DIGITAL, BERKEBOLEHAN

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Foto : Ihsan Pihak Berkua Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Khamis, 7 Disember. - Dalam dunia di mana landskap digital berkembang pada kadar yang tidak pernah berlaku sebelum ini, kita mesti memupuk budaya pembelajaran berterusan.

Cabarannya untuk mewujudkan masyarakat digital dan kekal berdaya saing dalam ekonomi digital memerlukan komitmen terhadap peningkatan kemahiran berterusan dan kebolehsuaian kepada teknologi baru muncul.

Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh selaku Timbalan Pengurus Jawatankuasa Manpower Industry Steering Committee (MISC) dan tetamu kehormat majlis berucap semasa Majlis Penutup Coding.bn Kohort 2.

Beliau seterusnya berkata, industri teknologi info-komunikasi (ICT) di Negara Brunei Darussalam adalah dinamik dan sentiasa berkembang dan untuk berkembang maju dalam persekitaran ini, para profesional mesti mengamalkan minda peningkatan kemahiran dan kemahiran semula yang berterusan. Ini bukan sahaja keperluan negara tetapi keperluan global untuk memastikan tenaga kerja kita kekal tangkas dan mahir dalam mengharungi kerumitan era digital.

Oleh itu, jelasnya pembelajaran sepanjang hayat muncul sebagai asas penting dalam asas ekosistem ICT yang bertenaga dan berdaya saing.

"Saya mengambil masa ini untuk mengikir pandangan jauh dan dedikasi Pihak Berkua Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) dalam menangani cabaran era digital ini. AITI telah memainkan peranan penting dalam melengkapkan negara kita dengan kemahiran digital penting yang diperlukan untuk memacu kita ke masa

hadapan.

"Tumpuan untuk memperkasakan belia, seperti yang ditunjukkan oleh inisiatif seperti Coding.bn, adalah bukti komitmen AITI untuk memupuk tenaga kerja yang celik digital dan berkebolehan," ujarnya.

Dr. Chin Wei Keh seterusnya mengongsikan Coding.bn sebagai salah satu daripada banyak inisiatif di bawah Kumpulan Kerja MISC untuk Sektor ICT telah terbukti menjadi mercu tanda kejayaan. Dengan bekerjasama dengan pemain industri, program ini memastikan latihan yang disediakan sejajar dengan permintaan industri ICT tempatan.

Beliau juga difahamkan bahawa reka bentuk kurikulum, berpaksikan bahasa pengaturcaraan standard industri, mencerminkan pendekatan berfikiran ke hadapan yang menyediakan peserta bukan sahaja untuk hari ini tetapi untuk cabaran dan peluang yang akan datang.

"Semasa awda berada di ambang melengkapkan program Coding.bn, awda membawa bersama awda satu set kemahiran yang serupa dengan menguasai bahasa baharu yang membuka pintu kepada pembangunan perisian, reka bentuk laman sesawang dan penyelesaian masalah rumit.

"Kepentingan kepakaran pengekodan dipertingkatkan dalam era di mana teknologi merangkumi setiap aspek kehidupan kita dan industri semakin bergantung pada penyelesaian digital," jelasnya.

Beliau seterusnya menyeru kepada para peserta untuk bekerja dengan tekun dan yang terpenting, kekal bersemangat tentang usaha mereka dalam pengekodan. Kemahiran mereka bukan sahaja cara untuk mendapatkan laluan kerjaya individu tetapi juga memangkin untuk kemajuan yang lebih luas dalam landskap ICT.



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan semasa berucap pada Majlis Penutup Coding.bn Kohort 2 (atas), manakala gambar bawah, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.**

Terdahulu, majlis yang berlangsung di Damai Ballroom, Aman Hills Hotel ini dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Eksekutif AITI, Ir. Awang Haji Jailani bin Haji Buntar selaku Ketua Bersama Kumpulan Kerja Jawatankuasa MISC bagi Sektor ICT (ICT MISC-WG).

Dalam ucapan alu-aluan, Ir. Awang Haji Jailani menjelaskan Coding.bn ialah salah satu projek yang sejarah dengan tonggak strategik AITI yang bertujuan memperkasakan perniagaan dan masyarakat kita dengan keupayaan digital, dengan memastikan pembangunan dan pembolehan pembelajaran berterusan serta mengemas kini kemahiran dan pengetahuan untuk kekal berdaya saing dalam ekonomi digital.

Sepanjang enam bulan ini menurutnya program Coding.bn telah menjadi platform untuk pengetahuan, pertumbuhan dan transformasi untuk peserta Kohort 2. Kami telah menyaksikan sendiri dedikasi, kerja keras dan mengejar kecemerlangan tanpa henti yang telah dipamerkan oleh peserta.

Majlis tersebut juga termasuk



# PUISI

## Disember Kini Tiba

Cuti sekolah menjelang tiba  
Panggal akhir selepas periksa  
Bulan yang dinanti sudahlah tiba  
Disember bulan yang penuh gembira

Cuti sekolah kini pun tiba  
Semua pelajar turut gembira  
Untuk kami bersantai bersama keluarga  
Berjalan-jalan bersama keluarga hati gembira

Masa peperiksaan sudah pun berakhir  
Kini masanya untuk kita berlibur  
Betapa hati gembira tak terukur  
Bersama keluarga pergi berhibur

Cuti sekolah tiba hati pun senang  
Saatnya untuk bersenang-lenang  
Bercuti bersama teman hati menjadi girang  
Ayah dan ibu turut bersenang

Dari pagi hingga senja, ku atur langkah  
Bebas dari menelaah tugas sekolah  
Menikmati hidup, musim cuti sekolah  
Bersama ayah dan ibu mengiringi setiap langkah

Namun kewajipan sebagai penuntut jangan dilupa  
Ilmu dan pengetahuan tetap dijaga  
Bacalah, pelajarilah buku-buku sekolah setiap masa  
Supaya ilmu pendidikan sentiasa ditimba  
Kerana tanggungjawab sebagai pelajar masih tetap berguna

Dur'anun  
24 November 2023

sesi perkongsian mengenai perjalanan Coding.bn Kohort 2 daripada Ketua Program Grominda Sdn. Bhd., Anthony Rasiman Sigar selaku fasilitator yang dilantik untuk Coding.bn Kohort 2. Seramai 50 yang menamatkan Program Coding.bn Kohort 2 telah menerima sijil yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

**Kementerian Kesihatan**  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

## Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki Wanita

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

Faktor Risiko:	Langkah Pencegahan:
<ul style="list-style-type: none"> <li>Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.</li> <li>Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.</li> <li>Pernah menghidap kanser kolorektal.</li> <li>Berat badan yang berlebihan.</li> <li>Merokok.</li> <li>Tidak aktif.</li> <li>Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.</li> <li>Meminum minuman keras yang berlebihan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak merokok.</li> <li>Perbanyak memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.</li> <li>Elakkan meminum minuman keras yang berlebihan.</li> <li>Meningkatkan aktiviti fizikal.</li> <li>Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.</li> </ul>

**Tanda-tanda kanser kolorektal:**

- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kembung perut.
- Kurang selera makan.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

**Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari [www.pppk.gov.bn](http://www.pppk.gov.bn)**

# PESERTA SSEAYP NEGARA SELAMAT PULANG



PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim berserta dengan pegawai-pegawai kanan di Jabatan Belia dan Sukan hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalau-alaukan ketibaan delegasi Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Ke-47, Tahun 2023 di Tokyo, Jepun (atas dan bawah).



**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**

**BERAKAS**, Jumaat, 8 Disember. - Delegasi Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Ke-47, Tahun 2023 di Tokyo, Jepun telah selamat pulang ke Negara Brunei Darussalam (NBD), hari ini.

Delegasi NBD terdiri daripada seorang National Leader, Dayang Hajah Siti Shamsiah binti Haji Sajali bersama 10 orang belia berumur antara 18 hingga 33 tahun yang diketuai oleh Ketua Belia, Awang Muhammad Asyraf bin Zulkifli dan Penolong Ketua Belia, Dayang

Nurul Hazirah binti Haji Jahari.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalau-alaukan ketibaan delegasi ialah Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim berserta dengan pegawai-pegawai kanan di Jabatan Belia dan Sukan.

Doa Selamat dibacakan oleh salah seorang peserta program berkenaan, Awang Haji Nur Mohammad Syandi bin Haji Md. Daud.

Pada tahun ini, SSEAYP telah

disertai oleh seramai 120 orang peserta daripada sembilan buah negara-negara ASEAN (kecuali Myanmar) dan Jepun iaitu 10 National Leaders dan 110 peserta belia.

Dengan membawa tema 'What Youth Can Do In The New Era Of Cooperation towards the 50th Year of ASEAN-Japan Friendship and Cooperation', para peserta belia program tersebut berpeluang untuk membincangkan dan bertukar pendapat mengenai lima tajuk utama yang berkaitan dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu Pendidikan Berkualiti; Kesaksamaan Gender dan Pemerkaan Wanita; Pertumbuhan Ekonomi serta Bandar - bandar dan Komuniti-komuniti Mampan; Tenaga, Langkah - langkah Mengatasi Perubahan Iklim, Masyarakat berorientasikan Kitar Semula; juga Kesehatan dan Kesejahteraan yang Baik.

Selain itu, program anak angkat dan tinggal bersama keluarga angkat serta interaksi bersama belia-belia Jepun juga diadakan.

Program ini bertujuan bagi mempromosikan lagi persahabatan dan persefahaman serta pertukaran peserta belia antara Jepun dan negara-negara ASEAN khususnya NBD secara berterusan, di samping dapat dijadikan sebagai platform untuk belia berkongsi ilmu pengetahuan dan peluang untuk menjalinkan kerjasama.

## Sumbangan derma ringankan beban golongan memerlukan



Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu bersama Pengarah Urusan Syarikat LSL Sdn. Bhd., Low Soon Lye dan Pengarah Syarikat LSL Sdn. Bhd., Jimmy Wong menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada para penerima (atas). Manakala gambar kanan, Pengarah Urusan Syarikat LSL Sdn. Bhd., Low Soon Lye semasa menyerahkan sumbangan kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

**MUKIM SENGKURONG**, Jumaat, 8 Disember. - Syarikat LSL Sdn. Bhd. petang tadi mengadakan Majlis Sumbangan dan Derma Ikhlas daripada LSL Sdn. Bhd., kepada penerima-penerima sumbangan yang terdiri daripada 155 orang asnaf fakir dan miskin, anak-anak yatim dan juga pelajar-pelajar sekolah rendah yang terpilih.

Majlis yang mengambil tempat di Dewan Indah Biru, Lugu Light Industrial Park itu dihadiri oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu, selaku tetamu kehormat majlis.

Para penerima menerima sumbangan berupa baucer dan peralatan sekolah bagi memberikan semangat kepada anak-anak dalam membuat persediaan untuk kembali ke sekolah pada tahun

hadapan, selain membantu para ibu bapa dalam meringankan beban keperluan mereka.

Penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis bersama Pengarah Urusan Syarikat LSL Sdn. Bhd., Low Soon Lye dan Pengarah Syarikat LSL Sdn. Bhd., Jimmy Wong.

Dalam masa yang sama, acara juga turut menyaksikan beberapa sumbangan mock cheque derma kepada Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (CDC), Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Sumbangan derma masing-masing berjumlah BND1,000 mula-mula disampaikan oleh Pengarah Syarikat Aluglass Sdn. Bhd., Tay Chai Ming kepada

Ketua CDC, Dr. Hajah Mawarni binti Haji Abdul Hamid dan seterusnya kepada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 diwakili oleh Pegawai Pentadbir Tingkat Khas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Mohamad Khairul Shahrul bin Haji Duahim.

Sejurus itu sumbangan derma dari Syarikat LSL Sdn. Bhd. yang disampaikan oleh Pengarah Urusan Syarikat LSL Sdn. Bhd., Low Soon Lye kepada CDC berjumlah BND2,000 yang diterima oleh Dr. Hajah Mawarni.

Sementara sumbangan berjumlah BND2,000 dan satu set tangki air 2300 liter bersama pump dan pemasangan, turut diberikan kepada sekolah Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang terletak di Jalan

Maulana, Kuala Belait yang diwakili oleh Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datu Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Manakala sumbangan mock cheque berjumlah BND3,000 diserahkan kepada Awang Mohamad Khairul Shahrul bagi sumbangan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Syarikat LSL Sdn. Bhd. ditubuhkan pada tahun 1985 dalam bidang memfabrikasi pelbagai barang stainless steel dan pembinaan.

Dalam masa 21 tahun, sejak berdaftar sebagai kontraktor Kelas 6 pada tahun 2002 di Kementerian Pembangunan, Syarikat LSL Sdn. Bhd. telah banyak menyumbang dalam pembangunan pelbagai projek dalam masa yang singkat di negara ini.

Antara projek yang dimajukan adalah seperti Fasiliti Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) di Daerah Temburong; Taman Mahkota Jubli Emas; Pasar Malam Gadong; Tamu Kianggeh; Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Perpindahan Mentiri; dan Projek Pembinaan Daerah Temburong.

Sewaktu negara mengalami wabak COVID-19, Syarikat LSL Sdn. Bhd. juga turut memberi bantuan dalam bentuk pembangunan seperti Makmal Virologi Kebangsaan; Pusat Pengasingan Kebangsaan Baru di Daerah Tutong; dan Pusat Pengasingan di Pusat Tingkatan Enam, Mumong.

Baru-baru ini, Syarikat LSL Sdn. Bhd. juga telah menyiapkan pembinaan sebuah surau dan sekolah untuk Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

## PENSIJILAN HALAL, ASAS KEBERSIHAN DIKETENGAHKAN



PARA peserta yang mengikuti kursus tersebut.

**BERAKAS**, Rabu, 6 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) hari ini, mengadakan siri Program Halal Lifestyle : Minan Nisa Ilan Nisa bertempat di Kompleks Delima Jaya, di sini.

Program tersebut merupakan inisiatif PPHT dalam usaha meningkatkan kesedaran halal dalam kalangan kaum wanita.

Justeru itu, untuk siri pertama ini, PPHT telah bekerjasama dengan Women Business Council (WBC) untuk mengongsikan ilmu mengenai halal kepada Ahli-ahli

WBC.

Hadir bagi memberikan taklimat mengenai pengenalan konsep halal dan prinsip-prinsip halal ialah Pengarah PPHT, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim.

Manakala, Penolong Pensyarah PPHT, Nor Surilawana binti Haji Sulaiman menyampaikan taklimat mengenai kepentingan pensijilan halal serta konsep asas kebersihan dan keselamatan premis juga makanan.

Hadir pada program tersebut, Naib Presiden WBC, Hajah Mordiah binti Haji Jackia dan

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Hamzah Mohidin

Ahli-ahli WBC.

Program tersebut antara lain bertujuan untuk melengkapkan kaum wanita dengan pengetahuan konsep dan prinsip halal, konsep asas kebersihan dan keselamatan makanan bagi amalan mampang.

Inisiatif ini juga dijalankan bertujuan untuk menyokong antara matlamat Wawasan Brunei 2035, iaitu bagi memiliki kualiti kehidupan yang tinggi.

Ia juga selaras dengan prinsip Maqasid Syariah memelihara akal, akidah, nyawa dankekayaan serta komitmen global seperti Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), khususnya SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik), SDG 4 (Pendidikan Berkualiti), dan SDG 5 (Kesaksamaan Jantina).



NAIB Presiden WBC, Hajah Mordiah binti Haji Jackia semasa berucap pada majlis tersebut.



# PASTIKAN PAS PEKERJA SAH MENGIKUT JAWATAN DIBENARKAN

**Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Disember. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) ingin menyampaikan peringatan kepada orang ramai terutama kepada para majikan untuk memastikan Pas-pas Pekerja adalah sentiasa sah (*valid*) dan memastikan pekerja masing-masing bekerja mengikut jawatan yang dibenarkan.

Adalah juga menjadi satu kesalahan sekiranya didapati menyalahgunakan Pas Imigresen yang telah diberikan.

Peringatan tersebut adalah disampaikan berikutan dengan operasi penguatkuasa yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Bandar Seri Begawan semasa Operasi Sakat 164/2023 bertempat di Gerai Sayur, Mukim Berakas 'A'.

Hasil daripada operasi yang dijalankan seramai dua warganegara asing telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut kerana

diperdayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), iaitu tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Oleh yang demikian, JIPK ini menggalau-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke talian Hotline Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

## Penambahan waktu operasi Perkhidmatan Pendaftaran, Pengambilan Dokumen Perjalanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Disember. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memaklumkan kepada orang ramai bahawa Pejabat Cawangan-cawangan Daerah Tutong, Kuala Belait dan Temburong akan menambah waktu operasi bagi Kaunter Perkhidmatan Pendaftaran dan Pengambilan Dokumen Perjalanan secara sementara pada setiap Jumaat bermula pada 8 Disember 2023 hingga 5 Januari 2024 bermula pada jam 8.15 pagi hingga 11.00 pagi.

Dalam kesempatan ini, JIPK juga

**Siaran Akbar : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

## Serangan seksual : Dipenjara, sebat



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Disember. - Mahkamah Perantaraan akhirnya menjatuhkan hukuman lima tahun serta dua kali sebatan terhadap seorang guru agama,

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

Mohammad Ali Yusni bin Haji Bujang atas pertuduhan serangan seksual.

Defendant membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Dayangku Hajah Norismayanti binti Pengiran Haji Ismail selepas pertuduhan dibacakan oleh juruhasa.

Mengikut pertuduhan, defendant didakwa menggunakan kekerasan terhadap remaja

perempuan berusia 12 tahun dengan mencabul kehormatan mangsa.

Perbuatan berkenaan didakwa dilakukan oleh defendant pada 26 Oktober 2021.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Atiyah Azzahra binti POKLSDSLJ Awang Haji Abas.



BAHAGIAN Penguatkuasa Undang-undang, Bandar Seri Begawan semasa Operasi Sakat 164/2023 bertempat di Gerai Sayur, Mukim Berakas 'A'.

## Syarikat SDT Mini Mart dikenakan kompaun



UNIT Penguatkuasaan Jabatan Daerah mengeluarkan kompaun terhadap Syarikat SDT Mini Mart, di alamat EDR.15871 Lot 35733 Kampung Tanjong Maya, Tutong, kerana didapati melanggar Akta Kesalahan Rampaian 2021, iaitu membuang sampah di tempat awam pada 5 Disember 2023 (atas dan bawah).

**Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

TUTONG, Rabu, 6 Disember. - Unit Penguatkuasaan Jabatan Daerah telah mengeluarkan kompaun terhadap Syarikat SDT Mini Mart, di alamat EDR.15871 Lot 35733 Kampung Tanjong Maya, Tutong, kerana didapati melanggar Akta Kesalahan Rampaian 2021, iaitu membuang sampah di tempat awam pada 5 Disember 2023.

Syarikat tersebut dikenakan denda kompaun sebanyak BND1,000 di bawah BAB 12 (1) (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian 2021, dan dikehendaki untuk menjelaskan kompaun dalam tempoh tujuh hari.

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan maka syarikat tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

**PenggunaBijak**





## RTBGo mudahkan audiens mendapat maklumat semasa

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim  
Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

**R**ADIO Televisyen Brunei (RTB) terus mengorak langkah mengembangkan lagi perkhidmatan dengan memberi nafas baharu dalam menyampaikan maklumat dan rancangan-rancangan mengenai perkembangan di negara ini. Sejajar dengan perkembangan teknologi semasa, RTB telah memperkenalkan RTBGo, satu perkhidmatan yang membolehkan audiens mengikuti perkhidmatan RTB di mana saja mereka berada dan pada bila-bila masa melalui online platform dan multiscreen devices (smartphone, tablet, laptop). RTBGo juga merupakan inisiatif Jabatan RTB dalam melangkah masuki era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) serta merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Mula diperkenalkan pada 1 September 2019 dalam format aplikasi web melalui laman sesawang <https://www.rtbgo.bn> dan kemudian dilancarkan dalam format aplikasi mudah alih (mobile app) dengan sistem operasi Android dan iOS pada 10 Oktober 2020. RTBGo ketika itu hanya mempunyai saluran televisyen RTB SukmaIndera dan RTB Aneka, lima rangkaian radio (Nasional FM, Pilihan FM, Pelangi FM, Harmoni FM dan Nur Islam FM), Video On Demand (VOD) dan Podcast serta satu saluran eksklusif online

'GoLIVE'. RTBGo juga menjadi platform pengiklanan produk dan perkhidmatan syarikat / agensi tempatan di samping menyumbang kepada hasil jabatan.

Sehingga April 2021, RTBGo telah digunakan oleh 107 buah negara. 10 negara teratas yang menggunakan RTBGo adalah Brunei Darussalam, Malaysia, Singapura, Indonesia, United States, United Kingdom, Philippines, Australia, Thailand dan Korea. Ini adalah satu pencapaian yang sangat diharapkan di mana secara tidak langsung boleh memberikan pendedahan mengenai Negara Brunei Darussalam di peringkat antarabangsa.

Dalam pada itu, RTBGo kini mempunyai pengguna melebihi 1 juta yang bukan hanya terdiri daripada pengguna di Negara Brunei Darussalam, malahan di luar negara. Kini, RTBGo menyiarkan tiga saluran iaitu RTB SukmaIndera, RTB Aneka dan GoLIVE, lima rangkaian radio RTB serta lebih daripada 5,000 bahan Video-on-Demand (VOD) dan Podcast. Setakat bulan Julai 2023, sebanyak 240,361 aplikasi mobile RTBGo telah dimuat turun selepas pelancarannya.

### Visi, misi Jabatan

Perkhidmatan RTBGo diperkenalkan adalah selaras dengan visi dan misi jabatan. Dengan visi 'Menjadi Organisasi Media yang Utama dan Dinamik dalam Pembangunan Negara', RTB bergerak pantas dalam

menyalurkan maklumat dan menyediakan hiburan kepada para penonton dan pendengar.

Dengan pelbagai platform yang ada seiring dengan perkembangan teknologi, ini adalah bertepatan dengan misi 'Membentuk Masyarakat yang Bermaklumat dan Berpengetahuan melalui Rancangan-Rancangan yang Berkualiti'. Orang ramai mempunyai pelbagai pilihan bagi mendapatkan maklumat dengan menonton dan mendengar rancangan secara konvensional melalui televisyen atau radio maupun secara dalam talian (online) menggunakan telefon bimbit atau alat peranti pintar yang lain.

### Aplikasi TV Android RTBGo

Sebagai platform penstriman media digital yang popular dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini, RTBGo terus mengorak langkah dengan memperkenalkan aplikasi TV Android RTBGo pada 1 Disember 2023 yang baru lalu semasa berlangsungnya RTB Mini Media Carnival. Aplikasi TV Android ini diperkenalkan antara lain dengan objektif adalah untuk mudah digunakan dengan aplikasi TV yang mesra pengguna berbanding dengan menggunakan web tanpa memerlukan alat peranti tambahan. Selain itu, ia juga adalah selaras dengan perkembangan teknologi media terkini yang telah digunakan oleh badan-badan penyiar di

negara serantau seperti RTMKlik (Malaysia), RCTI+ (Indonesia) dan MeWatch (Singapura).

Dengan adanya aplikasi TV Android RTBGo ini, RTBGo setentunya terus kekal relevan dan digunakan oleh orang ramai terutama penduduk dan rakyat di negara ini. Setakat Julai 2023, sebanyak 3 peratus pengguna RTBGo adalah dari negara-negara luar seperti Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina, Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada dan Arab Saudi.

### Kesimpulan

Dengan perkembangan pesat teknologi digital masa kini, memanglah wajar bagi RTB mengembangkan perkhidmatan penyiaran bukan sahaja terhad kepada penyiaran konvensional untuk kekal relevan di mata audiens terutama generasi baharu yang lebih memilih kepada penggunaan alat peranti pintar/mudah alih. RTBGo, yang merupakan satu-satunya platform OTT organisasi penyiaran kerajaan di Negara Brunei Darussalam, perlu lebih peka dari segi pembaharuan mengikut teknologi semasa agar tidak selamanya tetap dengan penggunaan kaedah penyiaran tradisional sahaja. Ini juga dapat mengelakkan audiens berpindah ke penyiar lain justeru dapat mengekalkan dan menambah jumlah audiens yang sedia ada.





Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim  
Foto : Nurul Rasyidah Rosland

**TEMBURONG**, Khamis, 7 Disember. - Keindahan ajaran ugama Islam menarik perhatian tiga orang sekeluarga berbangsa Iban untuk menjadikan ugama suci itu sebagai pegangan hidup

mereka yang baharu. Lafaz dua kalimah syahada bagi Hadi Maswadi anak Ayeng, berusia 37 tahun, yang memilih nama Islamnya sebagai Dayang Halimatus Sa'diah binti Abdullah Sidek dan diikuti dengan ibu saudaranya, Jaie anak Sidek, berusia 79 tahun, kini dikenali sebagai Dayang Nur Jayyidah binti Abdullah Sidek.

Juga melafazkan dua kalimah syahada ialah ibu kepada Awang Muhammad Hadi Maswadi, iaitu Yak anak Sidek, 69 tahun, yang memilih nama Islamnya sebagai Dayang Halimatus Sa'diah binti Abdullah Sidek dan diikuti dengan ibu saudaranya, Jaie anak Sidek, berusia 79 tahun, kini dikenali sebagai Dayang Nur Jayyidah binti Abdullah Sidek.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ketua Pengawal Kanan, Setia Protective Security Services (SPSS), Awang Mohd. Sharimin bin Johari yang juga menyempurnakan penyampaian cenderahati kepada saudara-saudara baharu.

Pada majlis itu, saudara-saudara baharu juga menerima Replika Penanda Arah Kiblat yang disampaikan oleh Ketua Juruteknik Ukar, Awang Haji Mohd. Eddy Iswardi bin Haji Bangok.

Majlis diserikan dengan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada saudara-saudara baharu yang diraikan.

Sejak Januari hingga November 2023, seramai 355 orang telah memeluk agama Islam di seluruh negara, yang mana sembilan orang dari jumlah tersebut adalah daripada Daerah Temburong.

## Seorang warga tempatan dipercayai diserang buaya

Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



SEORANG individu yang dipercayai telah diserang buaya di kawasan Sungai Belait, pada 5 Disember 2023 sekitar jam 7.00 malam.

**BELAIT**, Rabu 6 Disember - Balai Polis Kuala Belait, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menerima laporan mengenai seorang individu yang dipercayai telah diserang buaya di kawasan Sungai Belait, pada 5 Disember 2023 sekitar jam 7.00 malam.

Menurut laporan awal yang diterima, mangsa yang terlibat adalah seorang lelaki warganegara tempatan dan dipercayai sedang merambat di sungai tersebut.

Pada masa ini, Pihak Polis dan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JB) masih menjalankan siasatan bagi mengetahui punca

kejadian berlaku dan usaha mencari mayat mangsa masih dijalankan.

Oleh itu, adalah dipohonkan kepada orang ramai ataupun saksi mata yang ada mengetahui ataupun menyaksikan kejadian berkenaan untuk tampil ke mana-mana balai polis yang berdekatan untuk membantu siasatan kejadian ini.

Di kesempatan ini, PPDB ingin mengingatkan kepada orang awam agar berhati-hati dan utamakan keselamatan dengan menghindari sebarang aktiviti di kawasan perairan atau sungai yang diketahui sebagai habitat buaya.

# 3 SEKELUARGA BERBANGSA IBAN TERIMA NUR ISLAM

MAJLIS Pengislaman bagi Hadi Maswadi anak Ayeng, ibu kepada Hadi Maswadi, iaitu Yak anak Sidek dan diikuti dengan ibu saudaranya, Jaie anak Sidek (kiri dan kanan).



Abdullah Ayeng diadakan pagi tadi di Rumah Panjang Kampung Sibut, Mukim Amo di sini.

Juga melafazkan dua kalimah syahada ialah ibu kepada Awang Muhammad Hadi Maswadi, iaitu Yak anak Sidek, 69 tahun, yang memilih nama Islamnya sebagai Dayang Halimatus Sa'diah binti Abdullah Sidek dan diikuti dengan ibu saudaranya, Jaie anak Sidek, berusia 79 tahun, kini dikenali sebagai Dayang Nur Jayyidah binti Abdullah Sidek.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ketua Pengawal Kanan, Setia Protective Security Services (SPSS), Awang Mohd. Sharimin bin Johari yang juga menyempurnakan penyampaian cenderahati kepada saudara-saudara baharu.

Pada majlis itu, saudara-saudara baharu juga menerima Replika Penanda Arah Kiblat yang disampaikan oleh Ketua Juruteknik Ukar, Awang Haji Mohd. Eddy Iswardi bin Haji Bangok.

Majlis diserikan dengan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada saudara-saudara baharu yang diraikan.

Sejak Januari hingga November 2023, seramai 355 orang telah memeluk agama Islam di seluruh negara, yang mana sembilan orang dari jumlah tersebut adalah daripada Daerah Temburong.

سوروهنجاى قرخدمتن عوام  
SURUHJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON**

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**

Info Perus Semua Iklan		SYARAT-KELAYAKAN	
Bilangan Iklan	2022/AUS/33	Bahagian	1
Jawatan	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II	Tarja Gaji	R2.953
Kementerian	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN Sukan	Kelulusan	2
Jabatan	FUSCAT SEJARAH BRUNEI	Jenis Iklan	70A
Unit		Tarikh Mula	08 SEPTEMBER 2023
		Tarikh Tutup	30 NOVEMBER 2023

**SKIM IKLAN**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk menyediakan maklumat dan maklumat berkaitan dengan jawatan kerja yang tersedia di dalam negara Brunei Darussalam. SPA mempunyai misi untuk memberi maklumat yang akurat dan lengkap tentang jawatan kerja yang tersedia di dalam negara Brunei Darussalam.

**MINDA PEMBACA**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

- 'Amalkan Berbelanja Secara Berhemah'. Tarikh Tutup : 13 Disember 2023
- 'Pentingnya Pengesanan Awal Kanser'. Tarikh Tutup : 20 Disember 2023
- 'Manfaatkan Waktu Cuti Sekolah Sebaiknya'. Tarikh Tutup : 27 Disember 2023

**TERMA DAN SYARAT :**

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi  
**BND'75**  
SETIAP MINGGU



# KANADA : SYARAT KOS SARA HIDUP PELAJAR ANTARABANGSA DINAIKKAN

tiba pada 1 Januari 2024, lapor Xinhua.

Menteri Imigresen, Pelarian dan Kewarganegaraan Marc Miller dalam satu kenyataan berkata seorang pemohon tunggal perlu mempunyai sejumlah 20,635 dolar

OTTAWA, 8 Dis. - Kerajaan Kanada bakal memperkenalkan syarat baharu kos sara hidup untuk pelajar antarabangsa yang akan

## Gunung berapi Ibu Indonesia meletus, muntahkan asap setinggi 1,200 meter

JAKARTA, 7 Dis. - Gunung berapi Ibu di Pulau Halmahera di wilayah timur Maluku Utara Indonesia meletus selama kira-kira 90 saat pada 11 pagi waktu tempatan Khamis, memuntahkan abu sehingga 1,200 meter dari puncaknya, lapor Xinhua memetik kenyataan Pusat Vulkanologi dan Tebatan Bahaya Geologi (PVMBG) negara itu.

"Ia mengeluarkan abu berwarna kelabu dengan intensiti tebal ke arah tenggara," kata Efrita Saragih, pegawai pos pemantauan gunung berapi itu.

Gunung berapi setinggi kira-kira 1,300 meter dari paras laut itu diklasifikasi dalam tahap bahaya kedua daripada tahap tertinggi IV. Gunung berapi itu telah meletus sebanyak 60 kali sejak awal tahun ini, kata PVMBG.

Saragih meminta orang ramai tidak melakukan sebarang aktiviti dalam lingkungan 3.5 km dari kawah.

"Orang ramai yang melakukan aktiviti luar dinasihatkan memakai pelitup muka dan mata bagi melindungi diri daripada abu gunung berapi," katanya.

Terletak di Lingkaran Api Pasifik, Indonesia merupakan antara negara yang mempunyai gunung berapi terbanyak di dunia.- ©BERNAMA

## Seychelles isytihar darurat selepas letupan

ANTANANARIVO, 7 Dis. - Presiden Seychelles Wavel Ramkalawan mengisyiharkan darurat selepas letupan berlaku di kedai bahan letupan serta kemusnahan besar akibat banjir di negara itu, lapor Xinhua.

"Susulan letupan di kedai bahan letupan CCCL yang menyebabkan kerosakan besar-besaran di kawasan perindustrian Providence dan kawasan persekitarnya, ditambah kemusnahan akibat banjir disebabkan hujan lebat, presiden telah mengisyiharkan darurat untuk hari ini 7 Dis," menurut pejabat presiden dalam satu kenyataan pada Khamis.

"Semua orang diminta duduk di rumah. Semua sekolah ditutup," menurut kenyataan itu.

"Hanya pekerja dalam perkhidmatan penting dan pelancong sahaja dibenarkan untuk bergerak bebas. Ini bagi membolehkan perkhidmatan kecemasan menjalankan tugas penting," katanya.- ©BERNAMA

## Gaza semakin buruk setiap jam - WHO

GENEVA, 6 Dis. - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berkata keadaan di Semenanjung Gaza semakin memburuk setiap jam.

Wakil WHO di wilayah Palestin yang diduduki Richard Peepertorn memberitahu pemberita di Geneva melalui pautan video dari Rafah di selatan Semenanjung Gaza pada Selasa, bahawa jumlah penduduk yang berpindah dari tengah dan selatan Gaza terus meningkat, lapor Palestine News and Information Agency (WAFA).

Keadaan semakin teruk. Serangan bom terus meningkat di merata tempat, termasuk di sini di kawasan selatan," kata Peepertorn.

"Orang ramai terdesak dan mengalami kejutan kekal. Kami berhadapan keadaan yang paling teruk," katanya sambil menambah bahawa pengeboman dan kehilangan nyawa yang tidak masuk akal mestilah dihentikan.

"Keutamaan kami sepatutnya menghantar secara berterusan kebakan perubatan dan trauma ke Gaza."

Peepertorn berkata jumlah bantuan yang berjaya dibawa oleh WHO ke Gaza "terlalu kecil".

Daripada 36 hospital di Semenanjung Gaza, hanya lapan belas yang beroperasi dengan kapasiti terhad. Tiga menyediakan pertolongan cemas asas sahaja, manakala selebihnya menawarkan perkhidmatan separa.

Dua belas daripada hospital yang berfungsi ini terletak di wilayah selatan. Pada masa ini, terdapat 1,400 katil hospital yang tersedia di Semenanjung Gaza, jauh berkurangan berbanding 5,000 katil yang sasarkan oleh WHO.

Peepertorn berkata sejak permulaan perang, terdapat 120,000 jangkitan pernafasan akut, hampir 26,000 orang dengan kudis dan kutu, 86,000 kes cirir-birit termasuk 44,000 dalam kalangan kanak-kanak berumur bawah lima tahun, yang merupakan 20 hingga 30 kali lebih tinggi daripada yang dijangkakan.

Sementara itu, kira-kira 1,150 kes jaundis serta kes cacar air, ruam kulit dan meningitis juga direkodkan.

Sekurang-kurangnya 16,248 rakyat Palestin terbunuh manakala lebih 43,616 cedera dalam serangan udara dan darat Israel yang tidak henti-henti di kawasan itu sejak 7 Okt. - ©BERNAMA

Kanada (US\$15,181) sebagai tambahan kepada yuran pengajian tahun pertama dan kos perjalanan.

Sebelum ini, syarat kos sara hidup bagi pemohon permit pengajian ditetapkan pada 10,000 dolar Kanada (US\$7,357).

"Keperluan kewangan tidak seiring dengan kos sara hidup dari semasa ke semasa, menyebabkan pelajar yang tiba di Kanada mempunyai dana yang tidak mencukupi," menurut kenyataan itu.

Miller berkata keperluan itu akan

diselaraskan setiap tahun apabila Statistics Canada mengemas kini low-income cut-off (LICO). LICO mewakili pendapatan minimum yang diperlukan untuk memastikan bahawa seseorang tidak perlu memperuntukkan kos lebih tinggi.

"Dalam menerima ketibaan pelajar antarabangsa, kita mempunyai tanggungjawab untuk memastikan pelajar mendapat sokongan yang diperlukan apabila mereka datang ke negara kita," kata Miller.

Beliau berkata menjelang

semester September 2024, beberapa langkah akan dilaksanakan, termasuk sekatan visa bertujuan untuk memastikan institusi pengajian yang ditetapkan menyediakan sokongan dan bantuan yang secukupnya untuk pelajar.

Sektor pendidikan antarabangsa menyumbang lebih 22 bilion dolar Kanada (US\$16 bilion), melebihi eksport dalam sektor alat ganti kereta, kayu balak atau pesawat dan menyediakan lebih 200,000 pekerjaan di Kanada.- ©BERNAMA

## Mesyuarat Pemimpin China-EU ke-24 berlangsung di Beijing

BEIJING, 8 Dis. - Perdana Menteri China Li Qiang bersama-sama Presiden Majlis Eropah Charles Michel dan Presiden Jawatankuasa Kesatuan Eropah (EU) Ursula Von Der Leyen mempengerusikan Mesyuarat Pemimpin China-Kesatuan Eropah (EU) ke-24 di sini pada Khamis.

Li Qiang berkata Presiden Xi Jinping dan kedua-dua pemimpin EU telah memberikan pedoman strategik untuk mengeratkan lagi hubungan China-EU.

"Dunia mengalami perubahan yang amat besar ketika ini. Oleh itu, kita harus mencari 'unsur tidak berubah' daripada perubahan itu dengan mengekalkan dialog dan menentang konfrontasi, meneruskan kerjasama dan tidak mencantas hubungan, mempertahankan keamanan dan

menolak konflik, supaya menguasai hala tuju perkembangan hubungan China-EU dengan baik," kata Li.

Charles Michel dan Von Der Leyen masing-masing berkata hubungan dengan China dianggap antara satu hubungan luar yang amat penting bagi EU.

EU bersedia menjadi rakan kongsi yang boleh dipercayai oleh China.

Mereka berkata EU mengekalkan kemerdekaan strategik dan bersedia mendorong dialog peringkat tinggi dengan China, meningkatkan persefahaman serta mengurangkan salah faham.

EU juga bersedia untuk mempergiat kerjasama dalam sektor-sektor ekonomi dan perdagangan, pertanian dan

makanan, perubahan iklim dan kecerdasan buatan (AI) selain berganding bahu dalam menangani cabaran global dan menggalakkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran dunia.

Sementara itu, kedua-dua pihak turut mengakui kejayaan dialog peringkat tinggi China-EU mengenai strategi, ekonomi dan perdagangan, alam sekitar dan iklim serta digital pada tahun ini.

Kedua-dua pihak akan mematuhi dan mengamalkan multilateralisme dan mempromosikan Persidangan Pihak Berkepentingan kepada Konvensyen Rangka Kerja Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim ke-28 (COP-28) untuk mencapai hasil yang positif.- ©BERNAMA

## Sistem kesihatan, bantah cadangan potong pencen

ROM, 6 Dis. - Beribu-ribu doktor, jururawat dan pekerja penjagaan kesihatan melancarkan mogok 24 jam di seluruh Itali pada Selasa, menuntut perkitaran kerja yang lebih baik dan penambahbaikan kepada sistem kesihatan awam.

Mereka juga membantah cadangan pemotongan pencen dalam rang undang-undang belanjawan 2024, yang diluluskan oleh kerajaan pada Oktober dan kini menunggu kelulusan Parlimen.

Kira-kira 85 peratus petugas Perkhidmatan Kesihatan Nasional (SSN) dan kemudahan perubatan swasta tidak bekerja pada Selasa, menurut kesatuan sekerja sektor

itu.

Ini menyebabkan kira-kira 1.5 juta pemeriksaan kesihatan dan pembedahan yang dirancang pada hari berkenaan terpaksa ditangguhkan walaupun perkhidmatan penjagaan kesihatan utama tetap disediakan, lapor Xinhua memetik laporan media tempatan.

Satu perhimpunan besar berlangsung di Rom untuk menyokong mogok itu.

Selain tuntutan ekonomi khusus, profesional penjagaan kesihatan Itali juga menggesa kerajaan membuat pelaburan yang lebih besar dalam SSN untuk bersiap menghadapi cabaran semasa dan masa depan.

Lewat Isnin, Menteri Hal Ehwal Parlimen Itali Luca Ciriani berkata kabinet merancang meminda peruntukan rang undang-undang belanjawan mengenai pencen perubatan.

Selaras mengadakan pertemuan dengan kesatuan penjagaan kesihatan pada akhir November, Menteri Kesihatan Orazio Schillaci juga memberitahu media tempatan bahawa beliau terbuka untuk berdialog dan bersedia untuk berkompromi dengan tuntutan pekerja penjagaan kesihatan.- ©BERNAMA

## Flu, jangkitan COVID semakin meningkat di Amerika Syarikat

LOS ANGELES, 6 Dis. - Amerika Syarikat mencatatkan peningkatan jangkitan flu dan COVID-19 di seluruh negara, dengan peningkatan penyakit berkaitan pernafasan terutama dalam kalangan kanak-kanak.

Bilangan mereka yang diuji positif COVID dan dimasukkan ke hospital dengan simptom yang teruk, semakin meningkat.

Kira-kira 10 peratus ujian COVID-19 yang dilaporkan kepada Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Amerika Syarikat (CDC) adalah positif pada minggu terbaru yang berakhir pada 25 Nov, mengikut data CDC, lapor Xinhua.

Ketibaan pesakit yang

didiagnosis sebagai COVID-19 ke jabatan kecemasan meningkat lebih daripada 10 peratus dalam minggu terkini berbanding minggu sebelumnya.

Kemasukan ke hospital akibat COVID hampir mencapai 20,000 orang untuk minggu yang berakhir pada 25 Nov atau lonjakan sebanyak 10 peratus, menurut data CDC.

Covid terus merekodkan kemasukan ke hospital dan kematian bagi penyakit berkaitan pernafasan - dengan kira-kira 15,000 dimasukkan ke hospital dan kira-kira 1,000 kematian setiap minggu, kata Pengarah CDC, Mandy Cohen.

Sementara itu, kadar flu juga semakin meningkat, dengan kadar positiviti ujian sebanyak 6 peratus di seluruh negara dan 4,268 kemasukan ke hospital untuk minggu yang berakhir pada 25 Nov, menurut data CDC.

Menurut data CDC, lapan kanak-kanak dan kira-kira 1,100 orang dewasa meninggal dunia disebabkan oleh penyakit berkaitan flu sepanjang musim ini.

Aktiviti influenza bermusim terus meningkat di kebanyakan bahagian negara itu terutama di kawasan Selatan Tengah, Tenggara, Gunung dan Pantai Barat, kata CDC dalam laporan mingguan.- ©BERNAMA

Oleh : Abu Bakar Haji Abd.  
Rahman  
Foto : Arkib Jabatan  
Penerangan

**SUKAN** Karate merupakan salah satu sukan bela diri yang popular di seluruh dunia yang berasal dari negara matahari terbit iaitu Jepun.

Untuk mempraktikkan sukan ini memerlukan kekuatan fizikal, kecepatan, ketepatan dan kemahiran teknik bermain. Sukan ini sangat bermanfaat bagi kesihatan jasmani serta dapat membina sikap positif kepada pengamalnya.

Banyak manfaat yang boleh diperoleh daripada mengikuti sukan ini seperti mampu menguatkan otot lengan dan kaki sekalipun gerakan dasar daripada sukan ini adalah memukul dan menendang.

Dalam sukan Karate, kita tidak hanya diajar untuk menyerang sahaja tapi juga mempertahankan diri selain dapat meningkatkan konsentrasi dan meningkatkan rasa percaya diri.

Memilih sukan Karate dapat mendisiplinkan diri kerana melalui disiplin yang teratur, dapat melahirkan semangat setia kawan dalam satu pasukan, menghormati satu sama lain tidak mengira usia selain menguji setakat mana kemampuan diri sendiri daripada segi fizikal dan mental.

Dalam pada itu, jika sudah memiliki kemahiran sukan Karate, jangan pula sesekali disalah guna ilmu berkenaan kerana setiap ilmu yang bermanfaat hendaklah digunakan dengan bijaksana.

Di negara ini, sukan Karate sememangnya sudah menjadi salah satu sukan bela diri yang amat digemari selain Pencak Silat sejak sekian lama. Sukan ini juga telah banyak kali mengharumkan nama negara di kejohanan serantau maupun antarabangsa.

Untuk mengekalkan sukan ini terus diminati, berbagai pihak dan organisasi terutama Jabatan Belia dan Sukan telah mengungkayahkan pelbagai aktiviti bagi melestarikan sukan berkenaan agar tetap mendapat tempat di hati masyarakat.

Pada 1 September 2023 lalu, Jabatan Belia dan Sukan (JBS) melalui Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan, Bahagian Sukan dengan Kerjasama Persekutuan Karate Brunei Darussalam (BRUKAF) telah menganjurkan Kejohanan Skim Karate (KSK) 2023 selama tiga hari.

Kejohanan tersebut telah berjaya



# Atlet Karate berpotensi cipta lebih banyak kejayaan



mengumpulkan seramai 256 peserta dari keempat-empat daerah yang bertujuan sebagai Projek Pembangunan Sukan dalam jangka panjang dan berterusan, di samping memberikan galakan dan dorongan kepada golongan kanak-kanak dan belia di negara ini.

Selain itu, ia juga dihasratkan sebagai salah satu usaha ke arah persediaan penyertaan atlet negara sebelum menyertai pertandingan sukan pada Peringkat Serantau dan Antarabangsa.

Pada 19 November lalu Persekutuan Karate Brunei Darussalam (BRUKAF) telah mengadakan latihan gabungan bersama 124 Ahli Karate dari semua Kelab Karate di negara ini di Kompleks Sukan Tutong, sebagai sokongan bagi menyatukan semua kelab karate di negara ini di satu tempat dan mengenal sesama sendiri sambil bertukar-tukar

pengalaman dan juga teknik karate.

Dengan adanya latihan seumpama ini dihasratkan dapat menanamkan sifat perpaduan sesama mereka dan akan mampu mengembang majukan sukan tersebut di negara ini.

Dari segi pencapaian atlet-atlet negara dalam sukan Karate telah menempah beberapa kejayaan pada tahun ini seperti di temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32, 2023 yang berlangsung di Phnom

Penh, Kemboja.

Pada kejohanan tersebut atlet Karate bagi Acara Kumite berjaya meraih dua pingat gangsa yang

masing-masing disumbangkan oleh Muhd Harith bin Dahlan bagi acara Kumite lelaki bawah 55 kilogram.

Sementara itu, pingat gangsa kedua negara diraih menerusi Md. Izzuddin Irfan bin Md. Faizal bagi Acara Kumite Lelaki bagi Kategori 84 kilogram ke atas.

Beberapa bulan kemudian, atlet negara sekali lagi mencipta nama selepas berjaya memperoleh pingat gangsa bersama pada Sukan Asia Ke-19, yang berlangsung di Linping Sports Centre Gymnasium, Hangzhou, Republik Rakyat China.

Kejayaan tersebut diraih melalui sukan Karate Acara Kata Berpasukan Wanita yang menggandangkan Dayang Farrah Syahirah binti Mohd. Shamrin, Dayang Rodhyatul Adhwanna binti Bakar dan Dayang Farhana Najeeha binti Abdul Rahman.

Semoga dengan adanya langkah-langkah awal terutama menanamkan minat dalam kalangan kanak-kanak dan mengasuh mereka dengan latihan dan disiplin yang teratur tidak mustahil satu hari nanti atlet negara mampu untuk bersaing pada peringkat antarabangsa sekali gus meraih kilauan emas.



ePaper Pelita Brunei



## PERCATURAN DPMM FC TIDAK BERHASIL



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Tangkap Layar YouTube Singapore Premier League

**REPUBLIK SINGAPURA**, Rabu, 6 Disember. - Kemaraan Pasukan Brunei DPMM FC untuk memburu Piala Singapura 2023 tersebut di tangan Hougang United FC apabila tewas 0 - 2 pada aksi separuh akhir kedua di Stadium Jalan Besar, Singapura

malam tadi.

Keputusan itu menyaksikan Hougang United FC mara dengan agregat 3-0 selepas meraih kemenangan 1-0 pada aksi pertama di tempat yang sama, 3 Disember lalu.

Babak pertama menyaksikan kedua-dua

pasukan menampilkan aksi berbalas serangan dengan Hougang United FC dilihat lebih menguasai permainan sehingga mencipta jaringan pertamanya pada minit ke 41 melalui sentuhan Dorde Maksimovic.

Tersentak dengan tekanan tersebut, Brunei DPMM FC yang turun dengan misi untuk bangkit memadam kelebihan dimiliki Hougang United FC mengasak ke kubu lawan dengan beberapa gerakan dan percubaan sejak awal permainan, namun gagal mendapatkan jaringan.

Bersambung pada babak kedua, Brunei DPMM FC di bawah kendalian Adrian Pennock memperkemaskan aksi untuk memberikan tekanan buat skuad kendalian Marko Kraljevic dan hampir menyamakan jaringan tetapi tandukan Abdul Azizi Ali Rahman tepat di hadapan pintu gawang berhasil ditepis oleh penjaga gawang

Hougang United FC, Zaiful Nizam Abdullah.

Jaringan kedua Dorde Maksimovic pada minit 83 menambah lagi kekecewaan Brunei DPMM FC yang sekali gus sudah cukup untuk membawa Pasukan Hougang United FC ke peringkat akhir Piala Singapura 2023.

Sementara pada perlawanan peringkat akhir kedua yang berlangsung di Stadium Bishan, Lion City Sailors berjaya menundukkan Tampines Rovers FC, 3 - 0 (agregat 6-3).

Dengan keputusan tersebut, Brunei DPMM FC akan bertemu dengan Tampines Rovers bagi perlawanan penentuan tempat ketiga yang dijadualkan berlangsung pada 9 Disember.

Sementara itu, Hougang United FC akan bertemu dengan Lion City Sailors bagi menentukan pasukan mana yang akan dinobatkan sebagai juara dan menjulang Piala Singapura 2023 nanti.

## WTF: Kenaikan hadiah kemenangan tingkatkan prestasi permainan - Aaron

**KUALA LUMPUR**, 8 Dis - Lebih besar hadiah, lebih baik.

Beregu lelaki terbaik negara Aaron Chia percaya kenaikan dengan jumlah yang besar wang hadiah kemenangan ditawarkan Final Jelajah Dunia (WTF) tahun ini, akan meningkatkan lagi prestasi beliau dan pasangannya Soh Wooi Yik pada kejohanan penutup musim 2023, di Hangzhou China dari 13-17 Dis ini.

"Dapat wang hadiah kemenangan seperti dapat ang pau. Secara amnya, wang ditawarkan bagus untuk sukan badminton," katanya pada sidang media berkaitan WTF 2023 di sini hari ini.

Bulan lepas Persekutuan Badminton Dunia (BWF) mengumumkan bahawa WTF kekal menjadi kejohanan badminton paling mahal, dengan badan itu menyediakan hadiah US\$11.5 juta (RM53.7 juta) untuk tempoh empat tahun.

Menurut BWF, jumlah hadiah untuk final tahun ini dan tahun hadapan masing-masing US\$2.5 juta (RM11.7 juta), manakala US\$3 juta (RM14 juta) untuk edisi 2025, diikuti US\$3.5 juta (RM16 juta) pada 2026.

Sebagai perbandingan, sejumlah US\$1.5 juta (RM7 juta) disediakan pada edisi 2022 di Nimibutr Arena, Bangkok.

Aaron berkata kejohanan tahun ini agak

terbuka, kerana kesemua pasangan beregu agak setara kekuatan mereka.

"Dalam beregu lelaki, mana-mana pasangan berpeluang untuk menang gelaran. Untuk menang, semua kena konsisten," katanya.

Aaron berkata mereka tidak berasa sebarang tekanan, walaupun gagal untuk melepassi peringkat kumpulan pada tiga kejohanan terakhir mereka di WTF (2019, 2020 dan 2021).

Tujuh pasangan lain yang layak untuk edisi 2023 ialah pasangan nombor satu dunia dari China Liang Wei Keng-Wang Chang, Fajar Alifian-Muhammad Rian Ardianto (Indonesia), Kang Min Hyuk-Seo Seung Jae (Korea Selatan), Takuro Hoki-Yugo Kobayashi (Jepun), Kim Astrup-Anders Skaarup Rasmussen (Denmark), Liu Yu Chen-Ou Xuan Yi (China) dan Muhammad Shohibul Fikri-Bagus Maulana (Indonesia).

Lapan pasangan tersebut akan dibahagikan kepada dua kumpulan, dengan dua terbaik dalam setiap kumpulan layak ke separuh akhir.

Undian kumpulan akan diadakan pada Isnin.

Sementara itu Wooi Yik berkata hadiah kemenangan yang tinggi akan meningkatkan lagi status badminton dalam kalangan

peminat sukan di seluruh dunia.

"Ketika kami bermain di Sukan Olimpik Tokyo, badminton hanya satu sukan kecil berbanding yang lain. Diharapkan dengan peningkatan hadiah ini, akan membantu mempromosikan lagi sukan badminton," katanya.

Pengarah Kejurulatihan Akademi Badminton Malaysia Rexy Mainaky berkata hadiah yang besar menunjukkan bahawa

badminton mempunyai masa hadapan yang baik, terutamanya pada generasi muda.

Tahun ini juara perseorangan masing-masing akan menerima US\$200,000 (RM933,000), manakala US\$210,000 (RM980,000) menanti juara beregu, diikuti masing-masing US\$100,000 (RM466,000) untuk tempat kedua dan US\$50,000 (RM233,000) untuk yang layak ke separuh akhir. - ©BERNAMA

## Tahukah Awda

**J**ABATAN Siasatan Jenayah mula ditubuhkan pada tahun 1950 sebagai sebuah unit yang kecil dalam Pasukan Polis Diraja Brunei. Namun, kewujudan Unit Siasatan Jenayah dilihat begitu penting untuk memenuhi kepentingan masyarakat dan negara. Jabatan Siasatan Jenayah telah berkembang secara berterusan yang mana membawa kepada tertubuhnya bahagian dan unit di bawahnya mengikut kepentingan dan keperluan dalam menghadapi berbagai jenis jenayah. Kuasa sepenuhnya diberikan kepada Jabatan Siasatan Jenayah untuk menjaga keamanan dan kestabilan Negara Brunei Darussalam seperti yang terkandung dalam Seksyen 7, Akta Pasukan Polis Diraja Brunei, Penggal 50.

**SUMBER :** polis.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

JANGAN KHIANATI AMANAH YANG TELAH DIPERTANGGUNGJAWABKAN